

"MEREKA bergembira dengan ganjaran nikmat dan limpah kurnia daripada Allah. Dan sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang beriman".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 171.

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK 4.34 | SUBUH 4.44 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.40 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.41

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 59

17 MEI 2025 / 1446 ذوالقعدة 19

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

BERGANDING BAHU MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT SENTIASA TERJAMIN

Oleh: Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Indonesia telah meraikan empat dekad penubuhan hubungan diplomatik pada tahun lepas, yang mencerminkan semangat setia kawan serta kesefahaman yang mendalam di antara kedua buah negara.

Keistimewaan silaturahmi yang berteraskan persamaan rumpun sejarah, ugama dan bahasa menjadi asas dalam memupuk keharmonian bersama.

Perkongsian ini bukan sahaja bermanfaat, terhadap kemajuan kerjasama di pelbagai bidang berkepentingan, bahkan menggalakkan pertukaran-pertukaran lawatan di kesemua peringkat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa Majlis Persantapan Negara sempena Lawatan Negara Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto ke NBD, hari ini.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Negara sempena Lawatan Negara Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto ke Negara Brunei Darussalam. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Memajukan pembangunan pendidikan inklusif, berdaya tahan seluruh rantau

Siaran Akhbar :
Kementerian Pendidikan

REPUBLIK KOREA, Jumaat, 16 Mei. - Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan APEC Kali Ke-7 (7th APEC Education Ministers Meeting - 7th AEMM) yang diadakan pada 13 hingga 15 Mei 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Jeju, Republik Korea.

AEMM berfungsi sebagai platform peringkat tertinggi bagi membincangkan dasar pendidikan dalam rantau APEC.

Pada lazimnya mesyuarat tersebut diadakan setiap empat tahun, walau bagaimanapun, 7th AEMM tersebut diadakan selepas sembilan tahun setelah 6th AEMM diadakan di Peru pada 2016.

>> Muka 11

252 bakal jemaah haji penerbangan kedua bertolak

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BERAKAS, Jumaat, 16 Mei. - Seramai 252 orang lagi bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi penerbangan kedua bertolak menuju Madinah pagi tadi menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4203, dan dijangka tiba pada jam 3.20 petang waktu Madinah.

Bakal-bakal jemaah haji penerbangan kedua ini terdiri daripada 116 bakal jemaah

haji lelaki dan 136 bakal jemaah haji perempuan termasuk tiga pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan); 85 orang mengikuti Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); 44 orang mengikuti Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA); dan 120 mengikuti Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn.Bhd.

>> Muka 9

Mengukuhkan kerjasama serantau, antarabangsa dalam bidang keamanan, keselamatan

Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

BERLIN, Khamis, 15 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof telah mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) terdiri daripada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ke Mesyuarat United

Nations Peacekeeping Ministerial 2025 yang diadakan pada 13 hingga 14 Mei 2025 di Berlin, Republik Persekutuan Jerman.

Turut menyertai delegasi berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Krtini binti Pengiran Haji Mohd. Tahir.

>> Muka 10



Berita Utama



MAJLIS Doa Kesyukuran
sempena WTISD 2025

Muka 12



BADUDUN Bersama Biskita
promo produk, perkhidmatan RTB

Muka 18



19 pengusaha sertai
Mini Karnival Perikanan

Muka 26



PANTAU kehadiran pelajar lebih
teratur, bersistematik

Muka 29

Berganding bahu memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Dalam titah baginda lagi, dalam menghadapi keadaan geopolitik dan ekonomi antarabangsa yang tidak menentu pada masa ini, adalah penting bagi kedua negara untuk terus berganding bahu dalam memastikan kesejahteraan rakyat akan sentiasa terjamin, khususnya kestabilan rantaian bekalan makanan.

"Dari itu, beta yakin dengan usaha dan komitmen di semua peringkat, hubungan yang bermakna ini akan terus diperkukuhkan melalui bidang-bidang kerjasama yang strategik, demi kemajuan kedua negara di masa hadapan," titah baginda.

Di peringkat serantau titah baginda lagi, kedua negara terus bekerjasama rapat menerusi inisiatif-inisiatif BIMP-EAGA dan ASEAN, demi mengekalkan keamanan, kestabilan dan perpaduan serantau.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah NBD terus komited untuk bekerjasama rapat dengan Republik Indonesia serta rakan-rakan ASEAN lainnya, dalam memelihara kepentingan di rantau ini serta memajukan Visi Komuniti ASEAN 2045 yang akan diluluskan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 pada hujung bulan ini.

"Beta suka menekankan, bahawa persahabatan Brunei Darussalam dan Republik Indonesia adalah persahabatan seugama seperti disifatkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai 'satu jasad', manakala satu anggota sakit akan terasa sakit seluruh badan.

"Inilah persahabatan suci antara dua sahabat seugama, sama-sama mengecap nikmat Allah, dan sama-sama juga melindunginya daripada diganggu oleh sebarang anasir yang tidak



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Negara sempena Lawatan Negara Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto ke Negara Brunei Darussalam.

diingini," titah baginda.

Terdahulu dalam titah baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat sukacita mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama serta rombongan ke negara ini, di mana lawatan tersebut sangat bermakna kerana buat pertama

kalinya sahabat lama yang sentiasa bekerjasama rapat dengan Brunei, berkunjung selaku Presiden Republik Indonesia Ke-8.

Baginda yakin di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama menerajui 'Asta Cita', rakyat Republik Indonesia akan terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran yang

berpanjangan.

Pada akhir titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan Tuan Yang Terutama kesihatan yang berterusan serta kerajaan dan rakyat Republik Indonesia menikmati kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan.



WAKTU SEMBAHYANG

MEI MASHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17	SABTU	19	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
18	AHAD	20	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
19	ISNIN	21	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
20	SELASA	22	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.27	7.41
21	RABU	23	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
22	KHAMIS	24	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
23	JUMAAT	25	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU		AHAD		ISNIN	
Bandar Seri Begawan	33 25 °C	33 25 °C	32 25 °C	33 25 °C	33 26 °C
Pekan Bangar	33 25 °C	33 25 °C	33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C
Pekan Tutong	33 25 °C	33 25 °C	33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C
Kuala Belait	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

17 MEI 2025

Tabiat membaca mengembangkan minda, meluaskan fikiran

DALAM dunia yang semakin bergantung kepada teknologi digital, menggalakkan aktiviti membaca dalam kalangan orang ramai termasuk kanak-kanak semakin mencabar. Dengan adanya peranti elektronik seperti telefon pintar dan internet, orang ramai dapat mengakses pelbagai maklumat di hujung jari dan maklumat yang diterima dan disebarkan semakin berubah daripada segi penyampaiannya iaitu menggunakan audio dan visual. Oleh kerana kita semakin terbiasa mendapatkan maklumat dengan cepat, ini mungkin menjadi sebab kita semakin kurang cenderung kepada membaca. Walaupun orang ramai masih boleh membaca menggunakan tab atau telefon pintar, mengekalkan tabiat membaca buku tetap mempunyai kepentingan.

Keseronokan dan kegembiraan membaca buku tidak dapat digantikan dan memandangkan orang ramai mempunyai masa dan kesabaran yang sangat sedikit untuk aktiviti ini, adalah lebih penting untuk kita melatih diri untuk agar kekal untuk minat membaca terutama sekali bahan bacaan yang berkualiti dan yang dapat membuka minda kita serta mengajar kita ilmu berfaedah. Membaca bukan sahaja melengkapkan kita dengan kemahiran penting untuk kejayaan akademik dan pertumbuhan peribadi tetapi ia juga memperkaya pemahaman kita tentang pelbagai isu, perspektif dan buah fikiran. Sama ada meneroka jurnal sains, fiksyen moden atau sastera klasik, faedah membaca adalah mendalam dan meluas. Memahami faedah ini boleh membantu kita mencapai kecemerlangan akademik jika kita seorang pelajar, memupuk pertumbuhan intelek dan mengharungi cabaran hidup dengan yakin.

Memupuk tabiat membaca mempunyai banyak kelebihan. Antaranya ialah, ia boleh meningkatkan penumpuan dan meningkatkan ingatan. Selain itu, pembacaan yang kerap menajamkan fokus dan meningkatkan fungsi kognitif. Daripada perspektif Islam pula, terdapat hadis dan ayat dalam Al-Quran yang menekankan kepentingan membaca. Dari Surah Al-Alaq, ayat 1 hingga 5, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman, "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhan yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia daripada sebumu darah beku. Bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya".

Kita tahu akan kepentingan dan faedah membaca, dalam memupuk tabiat membaca kita juga perlu bijak dalam memilih bahan bacaan agar ia mendatangkan ilmu pengetahuan yang berfaedah kepada kita. Dari Surah Ali-Imran, ayat 7: "Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama berkata : Kami beriman kepada-Nya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami. Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran". - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MAJLIS PERSANTAPAN NEGARA RAIKAN PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto serta rombongan. Berangkat sama ialah kerabat diraja (atas kanan). Manakala gambar atas, Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia dalam ucapan balasnya.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 14 Mei. - Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto, serta rombongan yang mengadakan Lawatan Negara

ke negara ini.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia serta rombongan. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas), manakala gambar bawah tengah dan bawah kanan, antara yang berangkat dan yang hadir pada majlis berkenaan.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia (atas), manakala gambar kanan, baginda berkenan bersalaman dengan TYT Presiden Republik Indonesia.

>> Muka 3

Majlis Persantapan Negara yang diadakan di Istana Nurul Iman itu dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan titah, diikuti dengan ucapan balas daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia.

Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto dalam ucapan balasnya menzahirkan penghargaan yang mendalam atas sambutan luar biasa yang diberikan kepada delegasi Republik Indonesia, serta penghormatan berterusan yang

ditunjukkan terhadap negara dan rakyatnya.

Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia menyebarkan kunjungan kali ini setentunya sangat penting bagi kedua buah negara yang sudah dikenali sebagai negara satu rumpun, satu budaya, satu sejarah, satu bahasa, satu agama dan juga sebagai satu keluarga.

Justeru sebagai mandataris Presiden Republik Indonesia sembah Tuan Yang Terutama lagi, sangat berkomitmen untuk menjaga hubungan yang sudah baik ini untuk terus lebih baik hanya dengan kerjasama di antara kedua-dua buah negara dan sesama anggota ASEAN untuk saling melindungi antara satu sama lain di tengah ketidakpastian global dan tribunal.

TYT dalam sembahnya juga menzahirkan penghargaan mendalam Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan



dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika baginda berangkat hadir secara peribadi semasa pelantikan TYT sebagai Presiden Republik Indonesia dan sentiasa berharap agar hubungan persahabatan ini sentiasa terjalin berkekalan dan bertambah kukuh.

TYT Dato Laila Utama

Prabowo Subianto dilantik secara rasmi sebagai Presiden Republik Indonesia Ke-8 pada 20 Oktober 2024.

Sejak penubuhan hubungan diplomatik pada bulan Januari 1984, Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia menikmati jalinan persahabatan dan hubungan kerjasama dua

hala yang erat dan mesra dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pertahanan, pendidikan, kesihatan, buruh dan pertukaran rakyat.

Kedua negara juga bekerjasama rapat melalui kerjasama serantau dan antarabangsa termasuk ASEAN, APEC, OIC dan BIMP-EAGA.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan mengucapkan selamat jalan kepada TYT Presiden Republik Indonesia (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.



NBD - REPUBLIK INDONESIA TERUS KOMITED MENGUKUHKAN PELUANG KERJASAMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto semasa mengadakan Majlis Mesyuarat Dua Hala bersempena Lawatan Negara Presiden Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam (atas, atas kanan dan bawah).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto semasa mengadakan Majlis Mesyuarat Dua Hala bersempena Lawatan Negara Presiden Republik Indonesia ke Negara



Brunei Darussalam (NBD) hari ini antara lain membincangkan isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama khususnya.

Pada majlis yang berlangsung di Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman di sini, kedua-dua pemimpin menyatakan komitmen untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dan seterusnya percaya bahawa terdapat peluang untuk diperkukuh dalam bidang-bidang antara lainnya seperti

perdagangan dan pelaburan, perikanan, pertanian, pelancongan dan tenaga boleh diperbaharui.

Majlis Mesyuarat Dua Hala berkenaan juga membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama termasuk perkembangan dalam pelaksanaan Five-Point Consensus bagi Myanmar dan seterusnya menyentuh Palestin dengan kedua-dua pemimpin menzahirkan kebimbangan

mengenai situasi kemanusiaan di Gaza, berikutan peningkatan keganasan dan sekatan bantuan yang berterusan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan TYT Prabowo Subianto juga mengulangi negara mereka terus menyokong negara Palestin yang merdeka dan berdaulat, berdasarkan penyelesaian dua negara, berdasarkan sempadan sebelum 1967.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia (kiri sekali dan kiri).

BERKENAN MENERIMA MENGADAP PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto (kiri). Manakala gambar atas, Majlis Penganugerahan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam 'Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K)' yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia yang membawa gelaran 'Dato Laila Utama'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini. Berangkat sama ke Majlis

Mengadap tersebut ialah kerabat diraja.

Juga hadir ialah rombongan Republik Indonesia; dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Menteri

Pengiring.

Majlis Mengadap tersebut diikuti dengan Majlis Penganugerahan Bintang Kebesaran Negara Brunei

Darussalam 'Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K)' yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia yang membawa gelaran 'Dato Laila Utama'.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan TYT Presiden Republik Indonesia menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas dan bawah). Manakala gambar kanan, antara yang berangkat pada majlis tersebut.



BERANGKAT MENGALU-ALUKAN KETIBAAN PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Azmah Haji Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto menaiki Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dan seterusnya beredar memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (atas kanan dan atas). Manakala gambar kanan, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan mengalu-alukan kedatangan Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto serta rombongan yang berada di negara ini bagi mengadakan Lawatan Negara.

Terdahulu sebelum itu, paduka anakanda Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia dari The Empire Brunei menuju ke Istana Nurul Iman.

Di sepanjang jalan menuju ke Istana Nurul Iman, TYT Presiden Republik Indonesia disambut dengan pengibaran bendera kecil kedua-dua buah negara oleh para penuntut dan guru-guru daripada

beberapa buah sekolah kerajaan dan swasta.

Pada Majlis Sambutan Negara yang berlangsung di pekarangan Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama-sama TYT Presiden Republik Indonesia menaiki Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara, diikuti 21 das tembakan meriam.

Kedua-dua pemimpin seterusnya beredar memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei



(ABDB).

Sejurus selepas itu, TYT Presiden Republik Indonesia seterusnya diperkenalkan kepada kerabat diraja, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran

Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Timbalan-timbalan Menteri, Pemerintah ABDB, Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Ketua-ketua Perwakilan Asing, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, dan Setiausaha-setiausaha Tetap dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya disembahkan kepada ahli-ahli rombongan rasmi TYT Presiden Republik Indonesia.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Indonesia yang terjalin melebihi empat dekad itu terus berkembang menerusi pelbagai kerjasama yang memperluaskan pencapaian baharu demi kepentingan bersama.



TYT Presiden Republik Indonesia diperkenalkan kepada kerabat diraja dan rombongan dari Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kanan).



SEBANYAK 21 das tembakan meriam dilepaskan (kiri sekali), manakala gambar kiri, di sepanjang jalan menuju ke Istana Nurul Iman, TYT Presiden Republik Indonesia disambut dengan pengibaran bendera kecil kedua-dua buah negara oleh para penuntut dan guru-guru dari beberapa buah sekolah kerajaan dan swasta. Sementara gambar atas, antara yang hadir menyambut ketibaan TYT Presiden Republik Indonesia.

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Kanada, The Right Honourable Mark Carney berikutan dengan kemenangannya dalam Pilihan Raya Persekutuan Kanada baru-baru ini dan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri Kanada.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Kanada, The Right Honourable Mark Carney.



DPMM berkenan menerima mengadap



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Sengdavanh Vongsay yang akan menamatkan perkhidmatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi ini berkenan menerima

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad
Hasif Matzin

mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Sengdavanh Vongsay yang akan menamatkan perkhidmatan.

Puan Yang Terutama telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.

Majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Presiden Republik Indonesia akhiri Lawatan Negara



PRESIDEN Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto serta rombongan berlepas meninggalkan negara setelah menamatkan Lawatan Negara (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ihsan Muchlis Jr - Sekretariat Presiden Republik Indonesia

BERAKAS, Rabu, 14 Mei. - Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto serta rombongan berlepas meninggalkan negara petang tadi

setelah menamatkan Lawatan Negara.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Tuan Yang Terutama Dato



Laila Utama Prabowo Subianto ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Menteri Pengiring; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji

Mohd. Yusof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan

Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), DCP Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Achmad Ubaedillah.

Presiden Republik Indonesia tiba bagi Lawatan Negara

BERAKAS, Rabu, 14 Mei. - Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto berserta rombongan tiba di negara ini bagi Lawatan Negara selama sehari.

Hadir mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Menteri Pengiring; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu

Pekerna Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Juga hadir mengalu-alukan ketibaan TYT Presiden Republik Indonesia ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), DCP Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

(NBD), TYT Profesor Dr. Achmad Ubaedillah.

Ini merupakan Lawatan Negara rasmi pertama TYT ke NBD sejak dilantik sebagai Presiden Republik Indonesia Ke-8 pada 20 Oktober 2024.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Indonesia yang terjalin lebih dari empat dekad telah berkembang pesat dan diperkukuh lagi melalui jalinan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang antaranya bidang perdagangan, pendidikan, pertahanan dan banyak lagi.



PRESIDEN Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto berserta rombongan tiba di negara ini bagi Lawatan Negara selama sehari (atas dan bawah).





كَمَنْتَرِينْ حَالْ اَحْوَالْ دَالِمِ بَنْكُونِي
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
MINISTRY OF HOME AFFAIRS

KAEDAH PEMBAYARAN CUKAI BANGUNAN

JABATAN - JABATAN BANDARAN



PEMBAYARAN SECARA TUNAI



DALAM TALIAN / OCBS PORTAL



PEMBAYARAN MELALUI KAD KREDIT



PEMBAYARAN MENGGUNAKAN CEK ATAS NAMA KERAJAAN BRUNEI

Cukai Bangunan dan tunggakan hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya 31 Disember setiap tahun bagi mengelak tindakan undang-undang

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN Bahagian Kaunter Perkhidmatan, Tingkat 3	Isnin - Khamis 8:00 pagi - 2:30 petang Sabtu 8:00 - 10:30 pagi	+673 2244151
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA Kaunter Pembayaran (Aras Bawah)	Isnin - Khamis 8:00 pagi - 12:00 tengahari 1:30 - 3:00 petang Sabtu 8:00 - 10:00 pagi	+673 3330781-5
JABATAN BANDARAN TUTONG Lantai Bawah	Isnin - Khamis 8:00 pagi - 11:00 pagi 1:45 - 3:00 petang Sabtu 8:00 - 10:00 pagi	+673 4221232 / 8282965

Dikemaskini pada: 20 Januari 2025

 Jabatanbandaran.bsb
 Bandarankbseria
 Bandaran_tutong

252 BAKAL JEMAAH HAJI PENERBANGAN KEDUA BERTOLAK



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji (atas dan kanan).

>> Muka 1

Mengiringi bakal-bakal jemaah haji bagi penerbangan kedua ini ialah pegawai-pegawai daripada Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan); pegawai Syarikat DSSB; Syarikat SCA dan Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd. Hadir di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji NBD ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraithin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, DCP Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Mohd. Taib; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Haji Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar;

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin



Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteriserta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan penolong-penolong pengarah KHEU.

Doa Selamat dibacakan oleh Imam Tingkat I, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat, manakala

azan dilaungkan oleh Imam Tingkat III, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Haji Hamdini bin Haji Garif.

Sementara itu, penerbangan ketiga rombongan jemaah haji NBD akan berlepas dari Bandar Seri Begawan ke Kota Madinah pada Sabtu, 17 Mei 2025, manakala penerbangan keempat juga terakhir akan berlepas pada Ahad, 18 Mei 2025.

Penerbangan pertama bakal jemaah haji negara selamat berlepas

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mei. - Penerbangan pertama bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bertolak meninggalkan negara ini pagi tadi dengan menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4201.

Penerbangan pertama dijangka tiba di Madinah pada jam 3.20 petang waktu tempatan (waktu Madinah).

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji NBD, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Datin; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al-Buraithin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), DCP Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin dan Datin.

Hadir sama, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Datin hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (kanan dan bawah kiri).

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Haji Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan penolong-penolong pengarah KHEU.

Sementara itu, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Tingkat III, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Manakala azan dilaungkan oleh Imam Tingkat III, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Haji Hamdini bin Haji Garif.

Jumlah keseluruhan bakal jemaah haji termasuk pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA), Syarikat Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd., dan Syarikat



Raudah Al-Amin Sendirian Berhad ialah seramai 254 orang terdiri daripada 113 jemaah lelaki dan 141 jemaah perempuan.

Mengiringi bakal-bakal jemaah haji bagi penerbangan pertama ini ialah pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) seramai tiga orang, pegawai Syarikat DSSB seramai dua orang, pegawai Syarikat SCA seramai seorang, pegawai Syarikat Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd seramai dua orang, dan pegawai Syarikat Raudah Al-Amin Sendirian Berhad seramai dua orang.

Rombongan jemaah haji penerbangan kedua akan berlepas dari Bandar Seri Begawan ke Kota

AZAN dilaungkan oleh Imam Tingkat III, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Haji Hamdini bin Haji Garif.

Madinah pada 16 Mei 2025, manakala penerbangan ketiga akan berlepas pada 17 Mei 2025, diikuti dengan 18 Mei 2025 untuk penerbangan terakhir, iaitu penerbangan keempat.



MENGUKUHKAN KERJASAMA SERANTAU, ANTARABANGSA DALAM BIDANG KEAMANAN, KESELAMATAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

>> Muka 1

Mesyyuarat United Nations Peacekeeping Ministerial 2025 merupakan kesinambungan kepada siri mesyyuarat peringkat tinggi yang diadakan sejak 2014, dan pada kali ini menghimpunkan seramai 54 Menteri dan 15 Timbalan Menteri dan perwakilan dari Negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Mesyyuarat berkenaan berfungsi sebagai platform penting bagi merangka masa depan operasi pengaman PBB serta mengukuhkan sokongan berterusan daripada negara-negara ahli. Mesyyuarat terakhir sebelum ini telah diadakan pada Disember 2023 di Accra, Republik Ghana.

Mesyyuarat edisi kali ini dirasmikan bersama oleh Menteri Luar, Tuan Yang Terutama Johann Wadephul; dan Menteri Pertahanan Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Boris Pistorius. Ucaptama telah disampaikan oleh Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama Antonio Guterres.

Bertemakan 'The Future of Peacekeeping', mesyyuarat berkenaan memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai menguatkan mandat misi operasi, kepentingan pembiayaan, meningkatkan penggunaan

SESI bergambar ramai rasmi Mesyyuarat United Nations Peacekeeping Ministerial (UNPKM) 2025 di Berlin, Republik Persekutuan Jerman sejurus pembukaan rasmi pada 13 Mei 2025.

teknologi di dalam misi-misi pengaman dan mengurangkan jurang keupayaan, di samping usaha mempertingkatkan keselamatan, perlindungan dan keberkesanan misi pengaman.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga berpeluang mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan Menteri Pertahanan Republik Persekutuan Jerman; dan Menteri Pertahanan Nasional, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun, semasa Majlis Makan Malam Rasmi.

Di samping itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga berkesempatan berinteraksi bersama rakan-rakan sejawat dari Negara-negara Anggota ASEAN serta rakan antarabangsa lain yang menghadiri mesyyuarat tersebut, dalam usaha mengukuhkan lagi kerjasama serantau dan antarabangsa dalam bidang keamanan dan keselamatan.

NBD terus menzahirkan



komitmennya dalam menyokong usaha PBB ke arah mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Penyertaan pertama negara dalam operasi pengaman adalah pada 1993 di bawah United Nations Transitional Authority in Cambodia (UNTAC), dan sejak 2008, telah terus menugaskan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)

ke United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL).

Di samping itu, NBD juga telah menjadi ahli United Nations Special Committee on Peacekeeping Operations (C34) sejak 2017, yang mencerminkan komitmen berterusan negara terhadap usaha pengaman sejagat.

Mesyyuarat telah ditutup pada 14 Mei 2025, dengan pihak Republik

Persekutuan Jerman telah mengongsikan bahawa mesyyuarat berkenaan dihadiri oleh 133 buah negara di mana 74 buah negara telah membuat ikrar (*pledge*) dalam usaha untuk merapatkan jurang keupayaan dan memodenkan operasi keamanan bagi memperkukuh kapasiti dalam menangani realiti semasa dan akan datang.

MEMAJUKAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN INKLUSIF, BERDAYA TAHAN SELURUH RANTAU



YANG Berhormat Menteri Pendidikan mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan APEC Kali Ke-7 (7th APEC Education Ministers Meeting - 7th AEMM) yang diadakan pada 13 hingga 15 Mei 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Jeju, Republik Korea (atas dan kiri).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

>> Muka 1

Seramai 20 daripada 21 menteri atau wakil Ahli Ekonomi APEC menghadiri mesyuarat tersebut, di mana perbincangan tertumpu pada cabaran dan hala tuju strategik untuk masa depan pendidikan.

Selain itu, mesyuarat ini bertujuan untuk memupuk pertukaran pandangan dan amalan terbaik dalam inovasi pendidikan, menangani cabaran dalam era digital, dan meneroka peluang untuk kerjasama serantau yang lebih kukuh.

Republik Korea sebagai 2025 Pengerusi APEC bertujuan untuk memajukan pembangunan pendidikan inklusif dan berdaya

tahan di seluruh rantau ini.

Tema mesyuarat tahun ini ialah 'Merapatkan Jurang Pendidikan dan Menggalakkan Pertumbuhan Inklusif dalam Era Transformasi Digital' yang dirasmikan oleh Pemangku Presiden, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Ju-Ho.

Dalam ucapannya, Tuan Yang Terutama menekankan kepentingan di dalam menangani cabaran baharu, terutamanya kesan transformatif teknologi digital dan kecerdasan buatan, seiring dengan perubahan iklim dan perbezaan sosioekonomi.

TYT turut menggariskan peranan APEC dalam menangani cabaran global, daripada krisis

keuangan hingga isu kesihatan, melalui kerjasama dan perpaduan.

Semasa mesyuarat tersebut, Menteri-Menteri Pendidikan APEC telah dijemput untuk berkongsi pandangan dan amalan terbaik mengenai beberapa topik sub-tema seperti; Transformasi dan Inovasi Pendidikan yang Dipersonalisasikan; Kerjasama Pendidikan dan Perluasan Akses kepada Peluang; dan mengenai Pemantapan Pendidikan Berkualiti dan Pertumbuhan Ekonomi yang Mampan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan berpeluang untuk berkongsi hala tuju strategik dan inisiatif-inisiatif pendidikan NBD termasuk Pelan Transformasi

Digital Kementerian Pendidikan 2023–2027, Projek Peningkatan Infrastruktur Rangkaian Sekolah (School Network Infrastructure Upgrade, SNIU) dan program latihan kecerdasan pendidikan kebangsaan bagi pendidik.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menggariskan mengenai Brunei Darussalam dalam inisiatif serantau seperti Program Latihan Dasar Pendidikan Digital APEC (APEC Digital Education Policy Training, ADEPT).

Penyertaan ke program tersebut telah pun membentuk jalinan bersama Ahli-ahli Ekonomi APEC yang lain dalam pertukaran idea, menangani jurang pembelajaran digital, dan membentuk strategi dalam penguatkuasaan kapasiti

pengajar.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga berpeluang untuk mengadakan lawatan kerja ke Seogwi Jungang Girls' Middle School di Jeju yang melaksanakan pendidikan berasaskan kepada kecerdasan buatan, digital, dan kemahiran global.

Lawatan berkenaan merupakan sebuah pendekatan secara langsung kepada amalan pendidikan Korea yang bersedia untuk masa depan.

Turut mengiringi Yang Berhormat Menteri Pendidikan ke mesyuarat berkenaan adalah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Membina ekosistem digital inklusif untuk semua lapisan masyarakat

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Mei. - Setiap 17 Mei, Negara Brunei Darussalam bersama Ahli-ahli Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) meraikan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia (WTISD) 2025.

Tema pada tahun ini 'Kesaksamaan Jantina dalam Transformasi Digital', menyeru kita semua untuk fokus bagaimana kita membangunkan masa depan digital yang inklusif, memperkasa dan saksama untuk semua.

Dalam dunia yang semakin terhubung (*connected*), teknologi digital terus sahaja membentuk cara kita hidup, belajar, bekerja dan berkomunikasi.

Namun, selagi teknologi ini berkembang, begitu juga usaha kolektif kita harus diperkukuh untuk memastikan peluang dan akses yang saksama bagi semua.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam perutusan sempena sambutan

WTISD 2025.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan kita menyedari potensi besar ICT dalam memperkasa penyertaan semua lapisan masyarakat dalam pembangunan sosioekonomi, tidak terkecuali wanita dan perempuan.

"Dengan akses dan kemahiran yang betul, mereka mampu membawa perubahan yang positif dalam keluarga mereka, komuniti dan semua. Walau bagaimanapun, akses dan penggunaan ICT masih sangat mencabar untuk sebahagian besar wanita dan perempuan seluruh dunia," tegas Yang Berhormat.

Dalam perutusan Yang Berhormat seterusnya menerangkan bahawa cabaran seperti *bias* jantina, jurang bahasa dan literasi, kekangan kewangan serta kurangnya representasi wanita dalam pendidikan dan kerjaya STEM masih menghalang penyertaan mereka dalam ekonomi digital.

"Alhamdulillah, dasar pendidikan Brunei Darussalam telah memberi peluang saksama kepada wanita dan kanak-kanak perempuan untuk meningkatkan kemahiran dalam

sektor ICT.

Pada 2024, wanita membentuk sejumlah 34 peratus tenaga kerja ICT, menunjukkan peningkatan 4 peratus sejak 2020. ini jelas menunjukkan peningkatan aktif dan keterlibatan serta kepimpinan wanita dalam membentuk ekonomi digital sama ada sebagai inovator, usahawan, ahli teknologi dan penggubal dasar," ujar Yang Berhormat.

Sehingga hari ini, jelas Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) terus berusaha untuk memperkasa inklusif digital dan jantina menerusi pelbagai program pendidikan. Salah satu inisiatifnya adalah 'Digital for All', satu program kebangsaan yang memfokuskan kepada penyediaan kemahiran digital kepada komuniti.

Menerusi pelbagai bengkel dan taklimat berasaskan komuniti, 'Digital for All' memperkasa warga emas dan golongan kurang berkemampuan termasuk wanita untuk menggunakan dunia digital secara selamat dan berkesan.

Usaha ini, tambah Yang Berhormat, membantu merapatkan jurang kemahiran dan memacu keyakinan digital dalam kalangan masyarakat dan memastikan tidak

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam perutusan sempena Sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia 2025.

ada yang tertinggal dalam transformasi digital negara.

"AITI juga menyambut 'Girls in ICT Day' setiap tahun, sebagai sebahagian daripada inisiatif global oleh ITU untuk menggalakkan penyertaan wanita muda dalam bidang ICT. Dengan bertepatan, 'Wanita dalam ICT untuk Transformasi Digital Inklusif', tahun ini menghimpunkan para pelajar perempuan Tahun 9 dari sekolah-sekolah kerajaan untuk bengkel yang bertajuk 'The Art of Digital Content Creation – Building Meaningful Content for Social Impact'.

Para peserta berpeluang untuk meneroka bagaimana penceritaan digital boleh mempengaruhi persepsi dan membawa kepada perubahan positif di samping meningkatkan pendedahan mengenai pembuatan konten yang beretika dan memberi impak. Program ini bukan sahaja mencetuskan kreativiti tetapi



meningkatkan minat dalam kerjaya yang berkaitan ICT dalam kalangan peserta," tambah Yang Berhormat.

Inisiatif-inisiatif ini menunjukkan komitmen Brunei Darussalam dalam membina ekosistem digital inklusif untuk semua lapisan masyarakat tidak kira jantina, umur dan latar belakang.

Bersempena dengan WTISD 2025, Yang Berhormat kemudiannya mengakhiri perutusan dengan menyeru semua pihak untuk bersama-sama mewujudkan peluang pembangunan dalam era digital.

MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA WTISD 2025



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengerusi AITI hadir pada Majlis Doa Kesyukuran yang berlangsung di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau (atas), manakala gambar kanan, antara yang turut hadir pada majlis berkenaan.

MENGKUBAU, Jumaat, 16 Mei. - Bersempena memperingati Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia (WTISD) 2025, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran yang berlangsung di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, di sini.

Hadir ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku

Pengerusi AITI.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Fardu Asar Berjemaah, yang diketuai oleh Pengiran Haji Md. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran.

WTISD disambut setiap tahun pada 17 Mei, untuk menandakan penubuhan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) pada tahun 1865 ketika Konvensyen Telegraf Antarabangsa pertama ditandatangani di Paris, Perancis. Tujuan WTISD diadakan adalah

untuk meningkatkan kesedaran tentang kuasa internet dan teknologi lain dalam memperbaiki kehidupan serta merapatkan jurang digital.

Tahun ini adalah tahun ke-56 WTISD diraikan sejak tahun 1969. Tema bagi tahun ini adalah 'Kesaksamaan Jantina dalam Transformasi Digital (Gender Equality in Digital Transformation)', yang menekankan keperluan untuk memperkasa kesaksamaan jantina dalam bidang digital, agar wanita dan kanak-kanak perempuan di seluruh dunia turut berpeluang meraih manfaat serta

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



menyumbang kepada transformasi digital.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC,

Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar dan Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Turut hadir, ahli-ahli pihak berkuasa AITI; pegawai-pegawai kanan dari MTIC dan AITI serta wakil-wakil dari InfoCom Federation Brunei (IFB), penyedia-penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan industri ICT.

UNN lancarkan Digital Service Lab

Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Networks Sdn. Bhd.



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) juga selaku Pengerusi UNN hadir pada Majlis Pelancaran Digital Service Lab (atas dan atas sekali).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 Mei. - Dalam satu langkah penting ke arah memajukan transformasi digital dan inovasi, Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) telah melancarkan Digital Service Lab menerusi Majlis Pelancaran yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri

Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid juga selaku Pengerusi UNN.

Bertemakan 'Co-Innovate and Co-LABorate', pelancaran itu menandakan lembaran baharu dalam memacu inovasi kolaboratif dan eksperimen digital. Digital Service Lab dibayangkan sebagai pemangkin untuk idea merentas sektor, menghimpunkan kerajaan,

ahli akademik, syarikat permulaan (*startups*), industri dan rakan kongsi teknologi di bawah satu platform dinamik.

Para tetamu jemputan diberi lawatan eksklusif ke makmal tersebut, menempatkan infrastruktur terkini yang direka untuk memupuk aktiviti percubaan, prototaip, pengesahan dan pembangunan penyelesaian secara pantas.

Terdahulu, para tetamu melawat Innovation Marketplace, yang mencerminkan peranan makmal tersebut dalam memupuk inovasi daripada peringkat akar umbi serta menampilkan bakat-bakat cemerlang dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan komuniti syarikat pemula tempatan dari ekosistem Brunei Innovation Lab (BIL).

Lawatan kemudiannya diteruskan ke Pameran Inovasi, yang menampilkan prototaip dan penyelesaian yang dibangunkan bersama daripada kerjasama dengan institusi akademik, syarikat pemula dan kolaborator teknologi global.

Inovasi ini menjadi contoh nyata terhadap potensi yang boleh dicapai apabila kerjasama dan matlamat bersama digabungkan. Pada sebelah petang, acara diteruskan dengan sesi Tech Talks dan Fireside Chats yang dikendalikan oleh penceramah terkemuka dari dalam dan luar negara.

Digital Service Lab bersedia untuk berfungsi sebagai pemboleh infrastruktur penting untuk negara menyediakan persekitaran kolaboratif dan sedia masa hadapan yang memperkasakan bakat, mengesahkan pembangunan penyelesaian dan memacu inovasi merentas industri ICT.

UNN kekal komited untuk membentuk masa depan digital Brunei dengan membolehkan pertumbuhan berterusan, Proof-of-Concepts (PoC) dan perkongsian yang memberi impak.

Penerbangan pertama bakal jemaah haji NBD tiba di Madinah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 Mei. - Penerbangan pertama bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) menggunakan pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) B14201 membawa seramai 254 orang selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammed bin Abdulaziz, Madinah pada pukul 2.48 petang waktu Madinah.

Rombongan pertama termasuk pegawai-pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan); Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA); Syarikat Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd.; dan Syarikat Raudah Al-Amin Sdn. Bhd.

Hadir bagi menyambut ketibaan bakal jemaah haji NBD ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi di Riyadh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid dan isteri; Pemangku Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dan isteri; Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD; Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan), Dr. Haji Aziman bin Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Yaakub dan pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan) serta dari Syarikat DSSB.



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi di Riyadh dan isteri hadir menyambut ketibaan bakal jemaah haji negara (atas dan bawah).



KESEJAHTERAAN INSTITUSI KELUARGA TERAS PEMBANGUNAN MAMPAN NEGARA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Hari Keluarga Antarabangsa yang disambut pada 15 Mei setiap tahun sebagai inisiatif global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menekankan peranan penting institusi keluarga dalam pembangunan sosial, ekonomi dan budaya sesebuah negara.

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam (NBD) turut menyambut Hari Keluarga Antarabangsa setiap tahun sebagai tanda sokongan dan komitmen terhadap kepentingan institusi keluarga.

Tema tahun ini ialah 'Dasar Berorientasikan Keluarga untuk Pembangunan Mampaan: Ke Arah Sidang Kemuncak Ke-2 untuk Pembangunan Sosial 2025' (Family-oriented Policies for Sustainable Development: Towards the Second World Summit

for Social Development 2025).

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa menyampaikan perutusan bersempena Hari Keluarga Antarabangsa 2025.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya menjelaskan bahawa institusi keluarga yang kukuh amat penting dalam mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035, khususnya Matlamat Kedua iaitu Kualiti Kehidupan Yang Tinggi, di mana Memperkasa Keluarga yang Penyayang, Kukuh dan Berdaya Tahan telah dikenal pasti sebagai Aspirasi 2 di bawah Social Blueprint.

Ini menekankan pentingnya institusi keluarga sebagai salah satu teras utama dalam

membentuk masyarakat yang sejahtera, tambah Yang Berhormat.

"Kita hendaklah berusaha untuk mengukuhkan institusi keluarga dan memastikan kesejahteraan keluarga kekal sebagai teras dalam perancangan pembangunan mampaan negara," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah bahawa ini akan menyokong hasrat untuk membentuk masyarakat Brunei yang berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Dalam perutusan tersebut Yang Berhormat juga menyentuh tentang realiti kehidupan moden yang semakin mencabar dan kompleks, dengan isu sosial dan tekanan ekonomi.

"Dengan keluargalah kita sebagai seorang individu mempunyai sokongan, dan bersama keluarga kita merasai setiap detik suka dan duka," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menegaskan bahawa institusi keluarga merupakan landasan utama pembentukan identiti, nilai dan jati diri seseorang individu.

Di Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesejahteraan keluarga.

Salah satu inisiatif utama ialah melalui Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) yang disambut setiap tahun pada hari Ahad pertama bulan Mei sejak 2012, terang Yang Berhormat lagi.

Pada tahun 2025, terang Yang Berhormat lagi, sambutan diadakan pada 4 Mei dengan tema 'Keluargaku Harapanku' dan fokus kepada penerapan nilai-nilai teras kekeluargaan Brunei: Sayang - menyayangi; Tanggungjawab; Hormat-Menghormati; dan Pemedulian.

Yang Berhormat turut memaklumkan tentang pelbagai aktiviti bersempena HKK 2024 yang telah dilaksanakan di pelbagai peringkat, seperti Santai Keluarga Harmoni dengan kerjasama BIBD; Discover UBD Challenge; Karnival Hari Keluarga anjuran Majlis Perundingan Mukim Kuala Belait; Forum Perdana Memperkasa Institusi Kekeluargaan di Mukim Pekan Tutong; Temburong Bisai Edisi Hari Keluarga Kebangsaan 2024; Big Kem Family Run anjuran The Big Kem Project; dan Persembahan 'Baby Shark: The Hidden Treasure' oleh Top-Bins Event Management.

Yang Berhormat kemudiannya berharap semua pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, persatuan, institusi, Penghulu dan Ketua Kampung serta pemimpin akar umbi akan terus memberikan komitmen dan kerjasama dalam menjayakan acara-acara Sambutan HKK.

Pada tahun ini, Pelan Tindakan Institusi Keluarga (2025-2029) akan dilancarkan, ujar Yang Berhormat.

Pelan berkenaan akan menegenahkan strategi dan program Whole of Nation untuk menunjuk budaya kekeluargaan, menambahkan sokongan jaminan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan perutusan bersempena Hari Keluarga Antarabangsa 2025.

sosial yang lebih mampaan, dan memperkenalkan konsep kedayatahan keluarga (*family resilience*), khususnya bagi golongan berisiko, ujar Yang Berhormat lagi.

"Marilah kita sama-sama 'Sayang - menyayangi, Bertanggungjawab, Hormat-Menghormati, dan Memeduli' setiap ahli keluarga kita," seru Yang Berhormat.

Dalam mengakhiri perutusan, Yang Berhormat berdoa agar NBD terus maju dalam suasana aman dan makmur di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, sebagai keluarga besar yang hidup bahagia menuju *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin terima sumbangan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mei. - Sejumlah BND4,450 diserahkan bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 hari ini bertempat di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Hadir bagi menerima sumbangan daripada bekas-bekas penuntut Tingkatan 4, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOASC) Tahun 1975 tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Sumbangan derma tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi

Bersama Jawatankuasa Sambutan 50 Tahun Penuntut Tingkatan 4, SOASC Tahun 1975, Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

Ia merupakan hasil kutipan daripada Majlis Perkumpulan Jubli Emas bagi Jawatankuasa Sambutan 50 Tahun Penuntut Tingkatan 4, SOASC Tahun 1975 yang telah diadakan pada 27 April 2025.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat,



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir dan seterusnya menerima sumbangan daripada bekas-bekas penuntut Tingkatan 4, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Tahun 1975 (atas dan kiri).

Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh juga selaku Pengerusi Majlis dan bekas - bekas penuntut SOASC Tahun 1974.

Tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah dilanjutkan selama enam bulan lagi, iaitu sehingga 18 Oktober 2025 bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk meneruskan aktiviti-aktiviti amal dan sumbangan derma kepada rakyat Palestin di Gaza.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di

Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih 100 peratus disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja dari hasil kutipan bersih yang diperoleh daripada mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui

perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (*sticker*) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara. Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

MENGHAYATI PENGAJARAN DALAM IBADAH KORBAN

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 18 Zulkaedah 1446H / 16 Mei 2025M

IBADAH KORBAN: SUNNAH & SYIAR ISLAM

Ibadah korban adalah sunnah Nabi Ibrahim A.S dan syiar Islam yang perlu dihayati, bukan sekadar rutin sembelihan

KORBAN MENDIDIK KEPADA KETAQWAAN

Pengorbanan dan pengabdian diri itulah yang menjadi tunjang utama dalam ajaran Islam

PENGAJARAN PENTING

- ✓ Menanamkan rasa syukur kepada Allah S.W.T
- ✓ Menyemai semangat untuk berkorban demi kemaslahatan ummah
- ✓ Meningkatkan sikap pemedulian terhadap sesama umat Islam
- ✓ Mengajar supaya berlaku ihsan walaupun terhadap haiwan
- ✓ Melatih diri bersikap ikhlas dan berintegriti

PENGURUSAN KORBAN



Uruslah dengan penuh amanah, bertanggungjawab dan ikhlas

Usah **mengambil kesempatan dengan mengambil daging tanpa izin** tuan punya binatang korban



Kawasan penyembelihan dan pengagihan hendaklah dibersihkan sebelum & selepas acara

SERUAN KEPADA UMAT ISLAM

Marilah kita menghidupkan syiar ibadah korban ini sebagai satu sunnah yang utama



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Kini kita berada di bulan Zulkaedah dan dalam lebih kurang dua minggu sahaja lagi kita akan melangkah ke bulan Zulhijah. Sebagaimana yang kita ketahui, Zulhijah adalah bulan menunaikan fardu haji dan melaksanakan ibadah korban. Ibadah korban merupakan satu ibadah yang diwarisi daripada sejarah pengorbanan agung yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim Alaihissalam dan keluarganya.

Menghayati pengajaran ibadah korban

Ibadah korban ini dilakukan pada Aidiladha iaitu 10 Zulhijah dan hari-hari tasyrik iaitu pada 11, 12 dan 13 Zulhijah dan kita dituntut untuk melaksanakannya bagi mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 37 :

Tafsirnya : "Daging dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah ketakwaan kamu. Demikianlah Dia memudahkannya untuk kamu supaya kamu membesarkan Allah atas hidayah-Nya kepada kamu. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan".

Ayat ini menyeru manusia kepada ketaatan yang ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Pengorbanan dan pengabdian diri itulah yang menjadi tunjang utama dalam ajaran Islam. Tarbiah pengorbanan bertujuan melatih umat Islam supaya membiasakan diri berkorban sesuatu yang dimiliki agar lebih bersyukur dan suka berkongsi rezeki dengan orang lain.

Sebagai umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah sangat wajar kita menyantuni sunnah dalam ibadah korban yang bukan hanya sekadar sembelihan biasa malah mempunyai hikmahnya tersendiri. Sunnah dalam ibadah korban ini sangat penting untuk diamalkan bagi menjamin kesempurnaan dan keberkatan ibadah korban. Kita juga sewajarnya menghayati pengajaran yang terkandung dalam pelaksanaan ibadah korban, iaitu

Pertama : Menanamkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas

segala kurniaan yang telah diberikan-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala juga menjamin akan menambahkan rezeki bagi sesiapa yang mensyukuri nikmat-Nya.

Kedua : Menyemai semangat untuk berkorban harta, masa dan tenaga demi kemaslahatan umat dan untuk mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga : Meningkatkan sikap pemedulian terhadap sesama umat Islam. Rezeki yang ada dikongsi bersama lebih-lebih lagi kepada mereka yang berhak menerimanya.

Keempat : Mengajar supaya berlaku ihsan walaupun terhadap haiwan. Tatacara dan sunnah dan sembelihan menunjukkan bahawa Islam amat mementingkan ihsan dan kebajikan walaupun terhadap haiwan.

Kelima : Melatih diri bersikap ikhlas dan berintegriti dalam melakukan sesuatu urusan. Dalam pengurusan pengendalian dan pengagihan daging korban pula, pastikan hak-hak penerima daging korban dipenuhi sebaiknya dengan mengagihkan kepada yang berhak. Saat itulah kita berkongsi rezeki dan nikmat yang diperoleh kerana mungkin ada daripada kalangan saudara seagama kita jarang atau bahkan tidak mampu untuk membeli daging.

Sebagai orang yang diamanahkan menguruskan ibadah korban, uruslah dengan penuh amanah, bertanggungjawab dan ikhlas. Jangan mengambil kesempatan dengan mengambil daging atau bahagian tertentu daripada binatang sembelihan tersebut dengan sewenang-wenangnya tanpa memohon izin tuan punya binatang korban. Jangan jadikan ibadah korban sebagai peluang untuk kita mengambil hak

orang lain tanpa kebenaran. Mengurus korban juga perlu disertai dengan adab dan niat yang baik untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Kawasan persekitaran penyembelihan dan pengagihan hendaklah dijaga dan dibersihkan sebelum dan selepas acara bagi mencerminkan budaya hidup Muslim yang sebenar.

Sesungguhnya ibadah korban merupakan syiar besar yang wajar dihayati dan bukan rutin sembelihan haiwan semata-mata. Pengajaran yang terkandung daripada ibadah korban perlu dihayati dan menjadi matlamat utama dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ibadah korban juga jelas menjadi contoh nyata bagaimana Islam menganjurkan nilai-nilai kasih sayang dan menjaga keharmonian kehidupan bermasyarakat. Amalan itu menjadi risalah untuk memperkukuhkan jaringan sosial, menyantuni golongan yang memerlukan serta menyuburkan semangat kebersamaan. Oleh yang demikian, sama-samalah kita menghidupkan syiar ibadah korban ini yang pernah dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim Alaihissalam sebagaimana satu sunnah yang utama.

Tafsirnya : "Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) nikmat yang banyak (antaranya Sungai Al-Kauthar di syurga). Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban (kerana mensyukuri nikmat-nikmat-Nya). Sesungguhnya orang yang membenci engkau, dialah yang terputus (daripada mendapat kebaikan dunia dan akhirat". (Surah Al-Kauthar, ayat 1-3)

Pendaftaran PSR 2025 dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan ingin memaklumkan bahawa pendaftaran bagi Penilaian Sekolah Rendah (PSR) Tahun 2025 telah dibukakan pada Isnin, 12 Mei 2025 hingga Khamis, 19 Jun 2025.

Calon-calun sekolah hendaklah mendaftar melalui

sekolah masing-masing. Bagi calon persendirian, borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperoleh dari Kaunter Jabatan Peperiksaan yang bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan (Blok 'C', Aras Bawah Bangunan Kementerian Pendidikan Lama,

Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas) semasa waktu pejabat dibuka.

Pendaftaran juga boleh diperoleh dengan memuat turun Surat Pemberitahuan Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Bilangan 3/2025 dari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan dan dokumen yang

telah lengkap berserta pembayaran hendaklah dikembalikan ke Kaunter Jabatan Peperiksaan bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan tidak lewat daripada Khamis, 19 Jun 2025.

Gangguan sementara portal PSC Recruitment 2.0

Siaran Akhbar : Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) memaklumkan bahawa gangguan portal PSCR 2.0 yang bermula sejak 17 April 2025 adalah berikutan kerja-kerja penyelenggaraan sistem portal dan termasuk kerja-kerja pengukuhan keselamatan sistem dan aplikasi digital kerajaan yang dijalankan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) dalam usaha berterusan untuk memastikan perkhidmatan digital kerajaan kekal selamat dan boleh dipercayai.

Berikutan itu, semasa tempoh gangguan ke atas portal PSCR 2.0, tarikh tutup iklan jawatan kosong bermula 19 April 2025 di samping tarik-tarik ujian dan temu duga adalah dilanjutkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Manakala senarai jawatan kosong yang dilanjutkan tarikh tutupnya juga akan diumumkan melalui Instagram, Facebook, Telegram PSC.BN dan Pelita Brunei.

Untuk makluman, Pejabat SPA juga sedang menjalankan kerja-kerja pembangunan beberapa ciri baharu yang akan diperkenalkan setelah portal diaktifkan semula. Pengumuman bagi tarikh portal berkenaan diaktifkan semula akan dimaklumkan oleh pejabat ini melalui media cetak tempatan dan juga media sosial PSC.BN serta TD123 dan GOV.BN.

Pejabat SPA memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi dan merakamkan berbilang terima kasih atas kesabaran, pemahaman serta kerjasama para pengguna. Diharapkan dengan penaiktarafan yang dilakukan ke atas portal tersebut akan memudahkan dan melancarkan lagi permohonan jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai boleh terus berhubung dengan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui meja bantuan menerusi talian WhatsApp atau Telegram menerusi talian +673 7371961 semasa waktu bekerja atau e-mel ke [alamat query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn) atau melalui TD123.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesihatan Mental Dalam Kalangan Remaja.' Tarikh Tutup : **21 Mei 2025**
2. 'Kesan Pemanasan Global Terhadap Kehidupan Harian.' Tarikh Tutup : **28 Mei 2025**
3. 'Keberkesanan Pembelajaran Digital.' Tarikh Tutup : **4 Jun 2025**

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفَيْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباءوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu khas bersama pada Program Badudun Bersama Biskita (atas), manakala gambar kanan, jerayawara yang diadakan seharian itu dimulakan dengan sesi dialog dan soal jawab. Sementara gambar bawah kanan, turut diadakan Kempen Derma Darah.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Khamis, 15 Mei. - Badudun Bersama Biskita yang diselenggarakan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) telah memulakan jerayawaranya di Dewan Belalong, bumi Permata Hijau hari ini.

Temburong yang merupakan destinasi pertama bagi edisinya kali ini dengan inisiatifnya bagi memberi kefahaman dan mempromosikan produk dan perkhidmatan serta program-program RTB yang akan berlangsung kepada orang ramai.

Jerayawara yang diadakan seharian itu dimulakan dengan sesi dialog dan soal jawab bagi memberi peluang kepada para hadirin untuk mengongsikan pandangan serta mendapatkan penjelasan lanjut khususnya mengenai perkembangan siaran dan rancangan-rancangan yang

terdapat di RTB.

Melalui taklimat yang dibarigakan tersebut, para jemputan dan orang ramai yang hadir di jerayawara berkenaan telah diberikan penjelasan yang informatif mengenai dengan peranan utama RTB, Infrastruktur RTBGo, program rancangan TV, perkembangan rancangan radio serta perkhidmatan pemancaran TV dan Radio.

Hadir selaku tetamu khas bersama ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir selaku Pemangku Penghulu Mukim Zon 1 dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Turut hadir, Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong; pegawai-pegawai kanan, para pegawai serta

BADUDUN BERSAMA BISKITA PROMO PRODUK, PERKHIDMATAN RTB



kakitangan RTB; ketua-ketua kampung dan orang ramai.

Mewakili RTB semasa sesi soal jawab ialah Pemangku Ketua Rancangan TV, Dayang Aminah binti Metali; Pemangku Ketua Rancangan Radio, Dayang Nur Afidah binti Haji Abd. Malik serta Pemangku Ketua Seksyen Pemancaran Radio dan Televisyen, Awang Amir Akram bin Awang Besar.

Beberapa aktiviti sampingan juga diadakan sepanjang jerayawara itu berlangsung antaranya galeri pameran dari Bahagian Rancangan TV, Bahagian Rancangan Radio, Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa, Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan dan Bahagian Pemasaran dan Promosi dan Perkhidmatan RTBGo.

Selain itu, aktiviti pentas seperti Persembahan Tundang dan

cabutan bertuah serta aktiviti seperti penjualan *merchandise* RTB, Kahoot, mainan interaktif,

kaji selidik, kuiz dan *talent scouting* turut diadakan bagi memeriahkan lagi program berkenaan.



Penghargaan, pengiktirafan untuk pelajar cemerlang



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Khamis, 15 Mei. - Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Pencapaian Akademik bagi Peperiksaan BCGCE 'A' Level dan BCGCE 'O' Level Oktober / November 2024 yang berlangsung di Dewan Munawwarah, Setia Point Shopping Mall, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pelajar, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) Kementerian Pengangkutan dan

Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim.

Seramai 142 pelajar yang memperoleh sekurang-kurangnya tiga Gred 'A' dalam Peperiksaan BCGCE 'A' Level 2024 menerima hadiah dan sijil masing-masing.

Antaranya, 12 pelajar dianugerahkan High Achievement Award (mendapat sekurang-kurangnya tiga Gred 'A'), dan seorang pelajar menerima Excellence Award (mendapat keputusan tertinggi, iaitu 3A*).

Bagi peringkat 'O' Level, seramai 282 pelajar yang mencapai sekurang-kurangnya memperoleh lima Gred 'O' turut diiktiraf.

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pelajar (kiri dan kanan).

Daripada jumlah berkenaan, 15 pelajar menerima High Achievement Award (mendapat sekurang-kurangnya tujuh Gred 'A') dan dua pelajar dianugerahkan Excellence Award (mendapat Gred 'A' terbanyak).

Majlis tahunan berkenaan antara lain merupakan salah satu usaha maktab dalam membentuk dan melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik, selaras dengan misi Kementerian Pendidikan untuk melahirkan pelajar yang holistik.

Selain itu, ia juga bertujuan memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pelajar atas usaha dan kesungguhan mereka demi kemajuan diri, bangsa, agama dan negara.

Dengan penganjuran majlis berkenaan, diharapkan dapat terus memotivasikan para pelajar untuk bersaing secara sihat, serta melahirkan generasi yang inovatif, kreatif dan berwawasan tinggi untuk masa depan negara.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

کمنترین کمیشن
KEMENTERIAN KESEHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

PROGRAM INDUKSI LENGKAPKAN KEMAHIRAN, PENGETAHUAN ASAS



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bagi Majlis Penyampaian Surat Lantikan Pakar Pendidikan (atas dan atas kiri).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Kementerian Pendidikan, melalui Unit Kepakaran, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Pendidik, mengadakan Program Induksi Penempatan Kerja Pakar Pendidikan 2025 dan Majlis Penyampaian Surat Lantikan Pakar Pendidikan, bertempat di London Hall, Airport Mall, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi Majlis Penyampaian Surat Lantikan Pakar Pendidikan ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Pada majlis tersebut, seramai 10 orang Pakar Pendidikan yang

baharu dilantik yang terdiri daripada tenaga pengajar di sekolah-sekolah kerajaan menerima Surat Lantikan Pakar Pendidikan masing-masing, diikuti dengan penyampaian sijil kepada para penyampai taklimat dan peserta Program Induksi, yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Para peserta Program Induksi ini terdiri daripada Pakar Pendidikan, termasuk tenaga pengajar di sekolah-sekolah kerajaan, pemimpin sekolah serta mentor daripada jabatan-jabatan yang terlibat dalam Program Penempatan Kerja Pakar Pendidikan (SWAP).

Terdahulu, pada sesi sebelah

pagi, beberapa taklimat telah disampaikan oleh wakil dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah, dan Jabatan Pengurusan Pendidik.

Sesi pagi diakhiri dengan dua bengkel daripada pihak Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, iaitu bengkel 'Memimpin dengan Akhlak: Kecemerlangan, Kasih Sayang dan Tanggungjawab', dan bengkel 'Growth Mindset'.

Sementara itu, sesi petang diteruskan dengan bengkel

bertajuk 'RACI dan Carta GANTT' (GANTT Chart), yang telah dikendalikan oleh pihak Strategic Enterprise Performance and Delivery Unit (SEPaDU), Kementerian Pendidikan.

Antara tujuan utama Program Induksi berkenaan adalah untuk melengkapkan Pakar Pendidikan dengan kemahiran dan pengetahuan asas yang diperlukan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Di samping itu, program tersebut

juga bertujuan memupuk perkembangan profesional peserta melalui pendedahan kepada pelbagai kaedah dan kemahiran yang relevan dalam menyokong pembangunan berterusan mereka.

Selain itu, penekanan turut diberikan kepada keperluan penyesuaian bidang tugas Pakar Pendidikan dengan matlamat strategik Kementerian Pendidikan, agar sumbangan mereka dapat memberikan impak yang mampan dan signifikan dalam landskap pendidikan.

UTB - JCHS meterai MoU inovasi pendidikan, kerjasama antara disiplin

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah memeterai satu kerjasama strategik dengan JPMC College of Health Sciences (JCHS) melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) ke arah mengukuhkan komitmen kedua-dua institusi terhadap inovasi dalam pendidikan dan kerjasama antara disiplin.

MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Pemangku Naib Canselor UTB, Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif JPMC College

of Health Sciences, Chung Yea Fui.

Majlis diadakan di Bilik Persidangan Utama UTB dan turut dihadiri oleh wakil dari kedua-dua institusi, termasuk pegawai kanan dan kakitangan UTB dan pegawai-pegawai dari JCHS.

Ketua Penyelidikan untuk Teras Penyelidikan Digital dan Kreatif, UTB, Pengiran Dr. Haji Azhan bin Pengiran Haji Ahmad, dalam ucapannya menekankan akan kepentingan kerjasama berkenaan dengan majlis menandatangani tersebut merupakan

MOU ditandatangani oleh Pemangku Naib Canselor UTB, Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif JPMC College of Health Sciences, Chung Yea Fui.

kesinambungan yang menarik bagi kerjasama yang telah terbukti memberi manfaat antara kedua-dua institusi.

Menurutnya, perjalanan kita bermula dengan pembangunan alat pembelajaran realiti maya, iaitu sebuah projek yang memperlihatkan potensi transformasi teknologi dalam bidang pendidikan.

Usaha kerjasama ini tambahnya, telah diiktiraf melalui Anugerah BICTA 2024 dalam Kategori Pengajian Tinggi.

"Di Sekolah Pengkomputeran dan Informatik UTB, kami menyumbang kepakaran dalam realiti lanjutan, permainan digital, Kecerdasan Buatan (AI) dan reka bentuk produk untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang *immersive* dan intuitif.

"Dengan gabungan pemahaman mendalam JCHS dalam pendidikan sains kesihatan, kami berhasrat untuk meneroka potensi baharu dalam pengajaran dan pembelajaran.

"Para pelajar kami yang akan menjadi profesional masa depan dan membentuk masyarakat akan



menjadi penerima manfaat utama dalam kerjasama ini dan dengan mendedahkan mereka kepada teknologi dan pendekatan pedagogi terkini, kita sedang mempersiapkan mereka untuk kerjaya masa kini dan masa depan," ujarnya lagi.

Pengiran Dr. Haji Azhan seterusnya mezhahirkan keyakinan bahawa kerjasama berkenaan akan membawa kepada penyelesaian inovatif yang memberi impak bermakna dan kemajuan pendidikan kepada kedua-dua institusi serta masyarakat secara amnya.

Kedua-dua pihak turut

melahirkan komitmen bersama terhadap kejayaan jangka panjang kerjasama tersebut.

Kerjasama berkenaan dijangka akan menjana pelbagai inisiatif bersama, termasuk inovasi teknologi dalam pendidikan kesihatan, program latihan industri dan projek penyelidikan yang akan meningkatkan pembangunan pelajar dan kecemerlangan akademik.

MoU berkenaan menandakan satu pencapaian penting dalam usaha bersama UTB dan JCHS untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi dan bersedia menghadapi masa depan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis yang diadakan di Bilik Persidangan Utama UTB.

PENGAGIHAN POSTER HARI ULANG TAHUN ABDB KE-64



TIMBALAN Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapten Khairil bin Haji Abdul Rahman, TLDB, selaku Pengerusi Tertinggi Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-64 hadir pada Majlis Penyerahan Poster sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64 (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, (HUT) Angkatan Bersenjata Rabu, 14 Mei. - Majlis Diraja Brunei (ABDB) Ke-64 Penyerahan Poster sempena berlangsung petang tadi di Dewan Wira Seni, Bangunan

Pancaragam ABDB, Bolkiah Garrison.

Majlis berkenaan menandakan permulaan rasmi kepada kemuncak sambutan yang akan diadakan pada 31 Mei 2025.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Timbalan Pegawai Turus Gerakan Agama, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Kapten Muhd. Nasryul Wafiy bin Haji Mahdini, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapten Khairil bin Haji Abdul Rahman, TLDB, selaku Pengerusi Tertinggi Sambutan HUT ABDB Ke-64.

Majlis diteruskan dengan penyerahan sebanyak 300 keping poster terbitan Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pertahanan kepada para wakil kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, Kementerian



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Pertahanan dan Unit-unit ABDB.

Dengan bertemakan 'Bersama Bersatu Mencapai Cita Negara', penyerahan poster-poster berkenaan bertujuan untuk memperluaskan pemerbarigaan

kepada orang ramai mengenai Sambutan HUT ABDB Ke-64, khususnya bagi memaklumkan mengenai acara kemuncak sambutan yang akan berlangsung pada 31 Mei 2025 nanti di Pangkalan Muara TLDB.

UTB-Huawei Technologies memperkukuh peluang pendidikan, kerjaya



MOU berkenaan ditandatangani oleh Pemangku Naib Canselor UTB, Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd., Tong Wei Shiang.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) secara rasmi telah memperluaskan kerjasama strategiknya dengan Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd. melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), yang bertujuan untuk memperkukuh peluang pendidikan dan kerjaya dalam usaha memajukan ICT, Cloud Computing, 5G dan Kecerdasan Buatan (AI).

MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Pemangku Naib Canselor UTB, Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd., Tong

Wei Shiang.

Majlis diadakan di Bilik Persidangan Utama UTB dan dihadiri oleh pegawai universiti, wakil Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd., dan ahli fakulti.

Perjanjian berkenaan dibina berdasarkan asas yang telah diwujudkan oleh Akademi ICT Huawei di UTB, yang telah dilancarkan pada Mac 2021. Sejak itu, kerjasama berkenaan telah menghasilkan pengalaman pendidikan yang berimpak tinggi, dengan penglibatan pelajar yang meluas dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Pemangku Naib Canselor UTB dalam ucapannya berkata, penandatanganan MoU berkenaan mengangkat kerjasama kita ke dalam bidang-bidang penting

seperti Cloud Computing, 5G, dan AI, iaitu teknologi yang sedang membentuk ekonomi digital global dengan para pelajar kita perlu membangunkan kemahiran keempinapan.


Menurutnya lagi, Akademi ICT Huawei kita telah mencapai kejayaan yang membanggakan, memenangi anugerah di peringkat Global dan Akhir APAC serta Anugerah Pembangunan Hijau, membuktikan keupayaan kita untuk melahirkan graduan yang berkemahiran teknikal, berdaya saing global dan peka terhadap kelestarian.

"Pengembangan daripada pensijilan HCIA kepada HCIP serta peningkatan peluang latihan industri mewujudkan laluan yang jelas daripada pendidikan ke kerjaya, memastikan graduan bersedia untuk menyumbang kepada inovasi industri," ujarnya lagi.

MoU berkenaan merupakan komitmen bersama antara UTB dan Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd. dalam memupuk bakat digital Negara Brunei Darussalam (NBD) dan menyokong transformasi digital negara.

Ia merangkumi akses yang diperluas kepada program pensijilan profesional, bengkel yang dikendalikan oleh industri, pertandingan, dan peluang latihan sebenar.

Kerjasama berkenaan dijangka akan terus meletakkan UTB sebagai sebuah institusi terkemuka dalam pendidikan masa depan di NBD dan rantau ini.





Tawaran dibukakan kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar bagi mengikuti Tawaran Projek Kerajaan Negara Brunei Darussalam di dalam **Kelas III, IV & V** serta mempunyai kategori kerja dalam perkhidmatan **Landskap**

Bilangan Tawaran:
MFA / ASSET / T02 / 2025

Tajuk Tawaran:
Landscape Maintenance Services At Ministry Of Foreign Affairs, Jalan Subok For A Period Of Three (3) Years

Kategori:
KPB12

Bayaran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II sahaja

Kategori:
[KA01 sahaja]

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 021 / 2025

Nama Projek:
Membekal Dan Memasang 180MM DIA, Paip PE - PN16 Pili Bomba Dari Luar Rumah Pam 1 Dan 2 Di Pusat Persidangan Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
27 Mei 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
3 Jun 2025 (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam:



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery & Installation Of Data Module And Visual Display Control Units For Flight Information Display System (Fids) At The Arrival Hall Information Counter, Brunei International Airport
TERMINAL / 2025-2026 / SH-03

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation and Configuration of 60cm double side NTP analogue clock at Terminal Building, Brunei International Airport
TERMINAL / 2025-2026 / SH-04

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
14 Mei 2025.
Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
27 Mei 2025,
Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
28 Mei 2025.
Rabu.
(Tidak lewat jam 02.00 petang)

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Pembersihan Bangunan (Cleaning Service) Bangunan Pentadbiran (DCA Building) Jabatan Penerbangan Awam Bagi Tempoh 2 Tahun (24 Bulan)
AME / 2025-2026 / SH-18 / R (Kelas I, II atau Keatas)

Tajuk Tawaran:
General Service & Carryout Repair Works For Chilled Water Pumps At Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-22 (Kelas IV atau Keatas)

Tajuk Tawaran:
Supply & Install Repair And Replace Cable, Bulbs & Transformer 200w At High Intensity 21 And Low Intensity 21 At Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-24 (Kelas V atau Ke atas)

Tajuk Tawaran:
Kontrak Pemeliharaan Sistem-Sistem Penghawa Dingin Di Bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Selama Enam (06) Bulan
AME / 2025-2026 / SH-25 (Kelas I, II atau Keatas)

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Landskap Di Kawasan Northern Parallel Taxiway, Jabatan Penerbangan Awam Bagi Tempoh 1 Tahun (12 Bulan)
AME / 2025-2026 / SH-26 (Kelas I, II atau Keatas)

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Landskap Di Kawasan Southern Parallel Taxiway E5-E4 Dan Persekitarannya, Jabatan Penerbangan Awam Bagi Tempoh 1 Tahun (12 Bulan)
AME / 2025-2026 / SH-30 (Kelas I, II atau Keatas)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
21 Mei 2025.
Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
3 Jun 2025.
Selasa
tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 Jun 2025.
Rabu.

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



Bilangan Tawaran:
01 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
24 Months Term Provision Of Cleaning Services For Land Transport Department Old Office Building (Gadong)

Bilangan Tawaran:
04 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
24 Months Term Provision Of Cleaning Services For Land Transport Department Mumong Post Office Branch (Belait)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
21 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
RTB / 03 / 2025

Tajuk Tawaran:
Subscription Of Leased Line Or Dedicated Internet Access (DIA) For Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
10 Jun 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / BKS / 001
[JPPK / LTN / 14 / 2024(A)]
Proposed Design And Build For Slope Protection At Jalan Pantai Site B, Berakas Garrison

Tarikh Mula Tawaran:
12 Mei 2025

Kelas:
IV dan ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 atau KPB01

Tempoh Penyediaan Kerja:
Enam (6) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 27 Mei 2025**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Jun 2025.
2.00 Petang.



Tajuk Iklan:
12 Months Contract For Grass Cutting At Jabatan Pembangunan Masyarakat Buildings Area (Kompleks Rumah Kebajikan Kg. Belimbing Subok, Pusat Bahagia Pulaie, JAPM Pulaie & Pusat Kegiatan Warga Emas Lambak Kanan)

Rujukan Iklan:
MEI / 2025 / JAPM / TERMGRASSCUT / KRKS-PUL-PKWE / RB

Tarikh Tutup Iklan:
Khamis,
5 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.





JABATAN PERDANA MENTERI

Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) Jabatan Perdana Menteri

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 / T01

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Soft Skills 'Career Starter'

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 / T02

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus 'Soft Skills' Communicate With Impact

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 / T03

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus 'Soft Skills' Building Effective Team Players

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 / T04

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus 'Soft Skills' Essential Problem Solving For Jobseekers

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 / T05

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus 'Soft Skills' Presenting Yourself Professionally: Image, Etiquette And Beyond

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 / T06

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus 'Soft Skills' Task Efficiency: Mastering Time Management

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 / T07

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus 'Soft Skills' Empowering Leadership: Inspire With Confidence

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
28 Mei 2025.
Rabu, 2.00 Petang.

Tawaran hendaklah dialamatkan kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Pusat Pekerjaan Brunei,
Bangunan Pusat Pekerjaan Brunei,
KM 8, BE1118, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam



Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) Jabatan Perdana Menteri

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T01

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus 'IOSH Managing Safely (IOSH Certificate in Managing Safely)'

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T02

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Workplace Safety and Health Management in Construction (For Managers & Supervisors)

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T03

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Risk Management

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T04

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus AI-driven Organizational Management

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T05

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Adobe Illustrator & Adobe Photoshop

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T06

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus AutoCAD

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T07

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Basic Bookkeeping dan Brunei Darussalam Accounting Standards and International Financial Reporting Standards

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T08

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus COMPTIA A+

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T09

Keterangan:

Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Conflict Management and Problem Solving

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T10

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Data Analytics with Excel

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T11

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Effective Decision Making

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T12

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Fundamentals of Internal Auditing & International Standards on Auditing

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T13

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Fundamentals of Leadership and Management

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T14

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Basic of Human Resource Management & Human Resource Analytics

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T15

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Introduction to IT Technician

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T16

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Introduction to Web Development

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T17

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Fundamental, Intermediate and Advance Microsoft Word

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T18

Keterangan:
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus Di Bawah Program SkillsPlus Fundamental, Intermediate and Advance Microsoft Excel

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
28 Mei 2025.
Rabu,

2.00 Petang.

Tawaran hendaklah dialamatkan kepada:

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Pusat Pekerjaan Brunei,
Bangunan Pusat Pekerjaan Brunei,
KM 8,
BE1118,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
'The Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Underground Cabling Works At Department Of Civil Aviation'
ATELS / 2025 / SH-05

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Rabu,
14 Mei 2025.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :
Selasa,
20 Mei 2025.

Tarikh Tutup Sebut Harga :

Rabu,
21 Mei 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 02 / 2025-2026

Keterangan:
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Sampul Surat Sulit Bagi Kertas Soalan Dan Jawapan, Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
30 Zulkaedah 1446H /
28 Mei 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 021 / 2025
Supply and Delivery of Air Inlet Filters for Frame 6541 Gas Turbines at DES Power Station



Bilangan Tawaran:
02 / BBS / SH / 2025-2026

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Tiga (3) Main Switch Board Termasuk Pendawaian Bangunan Pentas Diraja Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong - pemborong yang berdaftar dengan **Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam**



Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 16 / BPPK / 08

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput, Pembersihan Kawasan Dan Longkang Termasuk Pengumpulan Dan Pelupusan Sisa Buangan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis,
22 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Bahagian Pemuliharaan Dan Kenderaan
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Di Tingkat 2,
Bangunan Pejabat Unit Khidmat Bantu Dan Pemeliharaan,
Simpang 594, Jalan Subok,
Bandar Seri Begawan.



Tarikh Tutup:
10 Jun 2025
Selasa,
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00



Kategori:
E01 – Pemasangan Pendawaian Elektrik

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non - Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V sahaja

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM007 / 2025

Bil. Projek:
2025DBSBM / KKBS.01

Nama Projek:
Menaik Taraf Gelanggang Tennis,
Kompleks Sukan Negara
Hassanal Bolkiah

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM008 / 2025

Bil. Projek
2025DBSBM / JPM.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Pada
Bangunan Galeri Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam,
Jabatan Perdana Menteri

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
27 Mei 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Jun 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPICT / BPPK / Q / 2024 - 02
Pembekalan Barang Guna Habis (Consumables) Toner dan Drum Mesin Pencetak Bagi Kegunaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei



Tawaran Perkhidmatan Bagi Sekolah Ugama dan Arab Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Daerah Brunei dan Muara

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 30 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Panchor Murai,
Kawasan Brunei IV

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 10 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Begawan Pehin
Udana Khatib Awg Hj. Umar,
Kampung Setia, Brunei I.

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 22 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Madang,
Kawasan Brunei IIA

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 47 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Jerudong,
Kawasan Brunei III

Bayaran:
BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Daerah Belait

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 39 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Paduka Seri
Begawan Sultan Omar Ali
Saifuddien, Kuala Belait

Bayaran:
BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 23 Zulkaedah 1446H /
21 Mei 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Darussalam
Untuk (01) Tahun

Tarikh Tutup:
Selasa, 27 Mei 2025.

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 01 / 2025-2026

Keterangan:
Membekal dan Menghantar Plak Bagi Majlis Hafl At-Takharruj Kali Ke-31 Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
23 Zulkaedah 1446H /
21 Mei 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation & Testing Of Batteries For 2 Units Of 60kva Uninterruptible Power Supply (UPS), Department Of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH-07

Tarikh Iklan/Mengambil Dokumen Sebut Harga:
14 Mei 2025, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
27 Mei 2025, Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
28 Mei 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



123 PESERTA TERIMA SIJIL SKIM BIMBINGAN ASAS MUALAF



SESI gambar ramai pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi peserta Skim Bimbingan Asas Mualaf berkenaan.

Manakala di Daerah Belait, majlis mengambil tempat di Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait.

Penyampaian sijil disempurnakan oleh Pegawai Pengajian Islam Daerah Belait, Dayang Hazalina binti Haji Dahlan.

Di Daerah Temburong, majlis diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Ketua Unit Da'wah Daerah Temburong, Awang Haji Hazirin bin Haji Metali.

Antara pengisian program termasuk perkongsian kepada para peserta tentang ilmu asas Fardu Ain seperti Iqra', Hafalan, Tauhid, Fiqh, Sembahyang Berjemaah dan Praktikal Ibadat serta cara menjaga kebersihan.

Di samping itu, para peserta juga didedahkan dengan ilmu sejarah Islam; pemakanan dalam Islam, akhlak Islam.

Program dimuatkan dengan taklimat mengenai 'Permakanan Halal Haram dan Tatacara Penyembelihan Binatang Ternakan' disampaikan oleh pegawai dari Bahagian Kawalan

Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Objektif Skim Bimbingan Asas Mualaf ini dilaksanakan antara lain untuk memberi bimbingan kepada mualaf dalam menghalusi dan meningkatkan ilmu pengetahuan agama Islam terutama dalam bidang aqidah, ibadah dan akhlak.

Skim dilaksanakan dengan memfokuskan kualiti pembelajaran dan penyebaran sahshiah yang baik.

Manakala pendekatan yang dibawa adalah secara interaktif dan fleksibel mengikut tajuk-tajuk yang disampaikan dan dibincangkan bersama para peserta.

Dengan terlaksananya skim ini diharap dapat memberi manfaat dan kebaikan yang besar ke dalam diri para peserta agar dapat memenuhi tuntutan agama sekali gus membimbing mualaf dengan berbekalkan ilmu yang sarat di dada, bukan ikutan semata-mata.

Dalam usaha untuk menjaga dan memelihara kemaslahatan mualaf, PDI menyediakan beberapa program bimbingan khusus untuk mualaf seperti Bimbingan Pengenalan Islam; Skim Bimbingan Asas (Melayu dan Inggeris); Skim Bimbingan Lanjutan I; serta Skim Bimbingan Lanjutan II.

Kelas Bimbingan Mualaf juga turut dibuka secara mingguan di keempat-empat daerah di samping Program Lawatan Tarbiyah Mualaf.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Unit Da'wah di keempat-empat daerah telah mengendalikan secara serentak Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi peserta Skim Bimbingan Asas Mualaf Siri Ke-201 (Lelaki) dan Siri Ke-202 (Perempuan).

Skim tersebut telah diadakan selama 14 hari bermula 29 April hingga 14 Mei 2025 kecuali hari Ahad.

Jumlah peserta yang mengikuti

skim tersebut ialah seramai 123 orang iaitu dari Daerah Brunei dan Muara seramai 35 orang terdiri daripada 12 orang lelaki dan 23 orang perempuan; Daerah Tutong seramai 36 orang, 15 orang lelaki dan 21 orang perempuan; Daerah Belait, 38 orang iaitu 19 orang lelaki dan 19 orang perempuan; dan Daerah Temburong, 14 orang iaitu empat orang lelaki dan 10 orang perempuan.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi peserta Skim Bimbingan Asas Mualaf Siri Ke-201 (Lelaki)

dan Siri Ke-202 (Perempuan) diadakan di Dewan Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, PDI.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah Urusan, Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Bagi Daerah Tutong, majlis tersebut diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong.

Hadir untuk menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Lahir rasa syukur dapat tunai ibadah haji

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



AWANG Abdul Faiz Afif bin Aliakbar dari RPN Kampung Rimba bersama ibu beliau.

BERAKAS, Jumaat, 16 Mei. - Mendapat panggilan untuk menunaikan ibadah haji sekali gus menjadi tetamu Allah merupakan saat yang dinanti-nantikan oleh setiap umat Islam.

Bagi ramai jemaah, peluang ini bukan sahaja menjadi detik paling dinanti sepanjang hidup tetapi juga membawa pelbagai emosi yang sukar digambarkan.

Rata-rata, ramai dalam kalangan bakal jemaah haji meluahkan rasa syukur apabila menerima tawaran untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu, setelah beberapa tahun menunggu dalam senarai giliran.

Ucapan puji syukur atas limpah kurnia rezeki terpilih untuk menjadi Duyufurrahman (tetamu Allah) diluahkan oleh bakal jemaah haji negara semasa ditemui sebelum berangkat ke Tanah Suci bagi penerbangan kedua, hari ini.

Bagi Awang Haji Mohd. Norhaidi

bin Haji Hamdi dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lumut, Kuala Belait, beliau tidak menyangka kerana diberi peluang untuk menunaikan ibadah haji pada tahun ini bersama isteri beliau.

"Kami mendaftar bagi permohonan menunaikan haji pada tahun 2020 dan dijadualkan untuk menunaikan haji sekitar tahun 2031 nanti (mengikut giliran). Namun saya terkejut apabila menerima panggilan daripada pihak Jabatan Urusan Haji pada penghujung Februari lalu memaklumkan kami diberi peluang untuk menunaikan haji tahun ini. Saya terkejut namun pada masa sama gembira serta bersyukur kerana diberikan peluang ini," ujarnya.

Mengikuti Pakej Haji di bawah Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA), Awang Haji Mohd. Norhaidi mengongsikan bahawa persediaan dan persiapan

rapi sudah dilakukan awal terutamanya persediaan daripada segi fizikal, mental dan spiritual.

Selain menghadiri sesi kursus dan praktikal haji untuk memantapkan pengetahuan mengenai ibadah haji, beliau dan isteri juga melakukan aktiviti kecergasan badan bagi memastikan tahap kesihatan mereka dalam keadaan yang baik sepanjang menunaikan Rukun Islam kelima itu.

"Pihak Jabatan Urusan Haji dan juga syarikat pengendali kami, SCA banyak membantu kami daripada segi persiapan sebelum berangkat ke Tanah Suci. Alhamdulillah, pengurusan haji cukup teratur dan semua urusan adalah lancar dan rapi. Mudah-mudahan segalanya dipermudahkan di sana nanti, setiap amal ibadat diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat haji yang mabrur, Amin," tambah beliau.

Beliau seterusnya menzahirkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda kerana memberi peluang kepada beliau dan isterinya dapat menunaikan haji tahun ini.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja isteri serta kerabat diraja dan juga rakyat jelata secara keseluruhan," doanya.

Rasa kesyukuran juga diluahkan oleh Awang Abdul Faiz Afif bin Aliakbar dari RPN Kampung Rimba, yang terpilih menunaikan ibadah haji tahun ini bersama-sama ibu dan adik lelaki beliau mengikuti Pakej Haji di



AWANG Haji Mohd. Norhaidi bin Haji Hamdi dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lumut, Kuala Belait bersama isteri beliau.

bawah Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd.

Menurutnya, ini adalah pengalaman pertama kali dalam hidup beliau untuk menjejaskan kaki ke Tanah Suci.

"Alhamdulillah, pihak pengurusan haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama banyak membantu bakal-bakal jemaah haji terutamanya daripada segi persiapan, memberikan kursus dan praktikal bimbingan haji dalam membantu memahami memahami selok-belok ibadah dengan lebih mendalam. Di samping itu, syarikat pengendali haji juga memberikan taklimat dan sentiasa mengemas kini para jemaah dari semasa ke semasa," tambah beliau.

Awang Abdul Faiz Afif juga menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas peluang

yang diberikan untuk beliau dan keluarganya dapat menunaikan ibadah haji tahun ini dan juga segala pengurusan dan kemudahan yang diberikan kepada bakal-bakal jemaah haji NBD.

"Terima kasih Kebawah DYMM kerana menjemput kami untuk junjung ziarah di Istana Nurul Iman. Saya cukup teruja dan gembira kerana pertama kali dapat bersua muka dan berziarah Kehadapan Majlis baginda. Terima kasih juga kepada Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd. kerana menjaga kami dan menguruskan segala persiapan kami dari awal hingga akhir.

"Harapan saya agar semuanya dipermudahkan dalam melaksanakan semua rukun wajib haji, diberikan kesihatan yang sempurna, semoga perjalanan kami dilindungi dari awal hingga kembali ke tanah air nanti, *Amin Ya Rabbal Alamin*," ujar beliau.

MOU MEWUJUDKAN SISTEM PENDIDIKAN ADIL, SAKSAMA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mei. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Learning Ladders Society (LLS) pagi tadi secara rasmi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi merasmikan kerjasama strategik dalam usaha meningkatkan sokongan pendidikan kepada

pelajar yang mempunyai kesukaran pembelajaran di Negara Brunei Darussalam.

Majlis penandatanganan yang berlangsung di Restoran Latihan Longhouse, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, di sini ditandatangani oleh wakil daripada kedua-dua pihak iaitu Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif



MAJLIS penandatanganan yang berlangsung di Restoran Latihan Longhouse, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal ditandatangani oleh wakil daripada kedua-dua pihak iaitu Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dan Presiden LLS, Dr. Sharina Yunus (atas dan kiri).

IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dan Presiden LLS, Dr. Sharina Yunus.

Terdahulu, Dr. Haji Mohd. Zamri dalam ucapannya menjelaskan, kerjasama tersebut mencerminkan nilai-nilai bersama iaitu keterangkuman, pemerikasaan dan tanggungjawab sosial yang membuktikan potensi besar yang dapat dicapai melalui kerjasama antara institusi pendidikan dan organisasi sokongan dalam mengejar matlamat yang sama.

Menurutnya, MoU tersebut merasmikan kerjasama yang dipandu dengan tiga objektif utama iaitu pertama, untuk memperkukuh sokongan pendidikan bagi pelajar yang mengalami kesukaran pembelajaran dengan memastikan mereka mempunyai akses yang adil kepada kemudahan dan sumber yang diperlukan untuk mencapai potensi penuh mereka.

Kedua, jelasnya, untuk meningkatkan pembangunan profesional pendidik melalui bengkel dan program latihan yang

dibangunkan bersama antara IBTE dan LLS dan ketiga, untuk meningkatkan kesedaran yang lebih mendalam dan menggalakkan amalan inklusif yang meluas di institusi-institusi pendidikan di negara ini, bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih memahami dan menyokong untuk semua.

"IBTE yakin bahawa kerjasama ini akan menghasilkan impak yang bermakna dan menjadi model bagaimana institusi pendidikan dan organisasi berasaskan komuniti boleh bekerjasama untuk membawa perubahan positif yang berkekalan," ujarnya.

Sementara itu, Presiden LLS dalam ucapannya pula menjelaskan, melalui kerjasama tersebut, LLS akan menyediakan sokongan teknikal melalui pengalaman selama lebih satu dekad dalam menyokong kanak-kanak dan keluarga melalui program berasaskan pusat dan rumah.

IBTE pula jelasnya, dengan

rangkaian akademik yang meluas serta infrastruktur yang kukuh, akan menerajui pendaftaran kursus dan usaha jangkaan, bagi memastikan latihan ini dapat diakses oleh para guru di seluruh negara, terutamanya mereka yang mengajar dalam pendidikan arus perdana dan vokasional.

Kerjasama yang bermula sejak tahun 2023 melalui aktiviti kemasyarakatan dan bengkel profesional itu bertujuan untuk mempertingkatkan keupayaan para pendidik melalui latihan bersama, pembangunan program, dan inisiatif advokasi.

Usaha ini menyokong Wawasan Brunei 2035 ke arah mewujudkan tenaga kerja yang inklusif dan berkemahiran tinggi.

Dengan termeterainya MoU tersebut, IBTE dan LLS memperkukuhkan komitmen mereka dalam mewujudkan sistem pendidikan yang adil dan saksama, di mana semua pelajar, termasuk mereka yang berkeperluan khas, diberi peluang untuk mencapai kejayaan.

سورونجاي فر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DIDALAM DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSQR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pengkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Salinan pengkat dan pengkatralan Mula Kelulusan Pengkatralan Kelulusan (PSQR) yang berkesan)
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Nama / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / Isihari-hari / Isihari profesional dan lain-lain yang dipertanyakan di dalam skim iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

Ragi Taklan Whatsapp
Suruhannya Perkhidmatan Awam

Bagi media sosial
PSC.BN

Kongkang / 'Slow Loris'

Nama Binatang :
Kongkang / Slow Loris

Order : *Primate*
Kelas Spesies : *Mammals*
IUCN : *Endangered* / Terancam
CITES : Appendix I

Nama Tempatan :
Kukang / Ukang

Nama Saintifik :
Nycticebus coucang

Maklumat disediakan oleh :
Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

DALAM edisi Kenali Hidupan Liar Kitani bulan ini, kita akan menjelajahi keindahan, kepelbagaian dan mengenali lebih dekat salah satu spesies mamalia unik yang terdapat di Negara Brunei Darussalam iaitu Kongkang atau panggilan Kukang dan juga dikenali sebagai *Slow Loris*. Mari kita pelajari lebih lanjut mengenai haiwan menarik ini.

Kongkang / Kukang dikenali dengan nama saintifiknya *Nycticebus coucang* ialah mamalia kecil daripada keluarga *Lorisidae*. Ia mempunyai mata besar untuk penglihatan dalam gelap, saiz badan 18-38 sentimeter dan berat 250-700 gram. Haiwan ini memiliki cengkaman kuat untuk bergerak di dahan pokok serta bulu tebal berwarna perang keabu-abuan dengan jalur gelap di sekitar mata dan belakang badan.

Kongkang / Kukang adalah haiwan omnivor dan nokturnal yang aktif pada waktu malam. Ia hidup di hutan hujan tropika, termasuk hutan tanah rendah dan paya gambut di Kepulauan Borneo. Diet utamanya terdiri daripada getah pokok, nektar, buah-buahan, serangga kecil, dan kadangkala reptilia kecil. Keistimewaannya adalah kemampuannya menjilat dan mengunyah getah pokok sebagai sumber tenaga.

Kongkang / Kukang membiak secara perlahan, dengan tempoh bunting sekitar lima hingga enam bulan. Biasanya, seekor betina akan melahirkan satu atau dua ekor anak dalam satu kelahiran. Anak Kongkang / Kukang akan dijaga dengan rapi oleh ibu mereka sehingga mereka cukup matang untuk berdikari.

Kongkang / Kukang memainkan peranan penting dalam ekosistem hutan dengan membantu penyebaran biji benih, pertumbuhan tumbuhan baharu, dan kawalan populasi serangga perosak, menjadikannya indikator kesihatan hutan. Kongkang / Kukang merupakan satu-satunya primat beracun, menggunakan

toksin daripada kelenjar lengannya sebagai pertahanan diri. Meskipun mempunyai mekanisme pertahanan dan pergerakan perlahan yang membantu bersembunyi, Kongkang / Kukang tetap terancam akibat perdagangan haram sebagai haiwan peliharaan eksotik dan kemusnahan habitat akibat penebangan hutan serta pembangunan.

Tahukah awda bahawa Kongkang / Kukang adalah spesies dilindungi di Brunei di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1978 (pindaan 1984). Ia disenaraikan dalam Apendiks I Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam (CITES), melarang perdagangan antarabangsa kecuali untuk tujuan saintifik. Kesatuan Antarabangsa untuk Konservasi Alam (IUCN) mengklasifikasikannya sebagai spesies 'Terancam' (*Endangered*) akibat kehilangan habitat dan perdagangan haram sebagai haiwan peliharaan eksotik.

Pemeliharaan dan perlindungan Kongkang / Kukang di Brunei berpotensi meningkatkan sektor ekopelancongan dengan menarik pencinta alam, jurugambar, dan penyelidik. Usaha ini juga dapat memperkukuh imej Brunei sebagai destinasi pelancongan berasaskan alam semula jadi. Namun, lebih banyak penyelidikan diperlukan sebelum mempromosikannya untuk memastikan pelancongan



Sumber Foto : Haji Mohammad bin Haji Ibrahim, BWPC 2022, JPH

yang bertanggungjawab. Semoga kita semua dapat memahami dan menghargai keunikan serta kepentingan spesies hidupan liar *kitani* yang comel iaitu Kongkang / Kukang.

Sila ikuti setiap keluaran bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi

melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunel*. Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memelihara hutan *kitani*.

93 PESERTA MUSABAQAH MEMPERDENGARKAN BACAAN



ANTARA yang memperdengarkan bacaan pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi Peringkat Saringan (kiri, tengah dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan merupakan salah satu projek tahunan

Kebudayaan, Belia dan Sukan dikelola oleh Jabatan Belia dan Sukan sejak tahun 1980-an dan telah berjaya melahirkan ramai qari dan qariah belia yang berkaliber

dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam

bidang pembacaan Al-Quran secara bertarunum.

Sehubungan dengan itu, Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi Peringkat Saringan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini, 14 hingga 16 Mei 2025 bertempat di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Seramai 93 peserta terdiri daripada 66 peserta qari dan 27 peserta qariah akan memperdengarkan bacaan masing-masing sepanjang tiga hari pertandingan berlangsung.

Terdahulu, peserta-peserta ini telah mengikuti Program Kemahiran Al-Quran (KIA) selama dua hari bermula 3 Mei 2025 yang lalu.

Program tersebut memfokuskan kepada pembelajaran dalam bidang tarunum Al-Quran yang bertujuan untuk mempersiapkan para qari dan qariah belia agar mampu bertanding pada tahap yang terbaik dan bermutu tinggi serta memberi penekanan kepada

aspek-aspek penting dalam bidang tarunum Al-Quran, termasuk Lagu, Suara, Fasahad dan Tajwid.

Daripada jumlah tersebut, seramai 30 peserta teratas yang mempunyai markah 80 peratus ke atas layak ke peringkat separuh akhir yang akan berlangsung pada 25 Mei 2025 dan seterusnya lima peserta qari dan lima peserta qariah termasuk johan menunggu qari dan qariah 2024 akan bertanding di peringkat akhir pada hari 19 Jun 2025 nanti.

Peserta musabaqah berumur di antara 15 hingga 30 tahun terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap dan tidak pernah menjadi johan pertandingan-pertandingan seperti Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia atau Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

19 pengusaha sertai Mini Karnival Perikanan



ANTARA yang mengunjungi Mini Karnival Perikanan (atas dan bawah).

■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 Mei. - Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan anjuran bersama Muara International Fish Landing Sdn Bhd (MIFL Sdn. Bhd.) mengadakan Mini Karnival Perikanan selama empat hari bermula 15 hingga 18 Mei 2025 bertempat di Kompleks Pendaratan Ikan Muara.

Aktiviti Mini Karnival ini adalah

merupakan salah satu inisiatif dan usaha bagi mendukung para pengusaha perikanan dalam membekalkan hasil produk berkualiti tinggi terus kepada pengguna serta sebagai satu platform bagi para pengusaha berinteraksi langsung dengan orang awam dalam mempromosikan hasil produk mereka.

Usaha ini dilihat dapat membantu meningkatkan

keupayaan pengusaha dalam menyumbangkan penghasilan dalam pasaran tempatan dan luar negeri.

Seramai 19 pengusaha yang berdaftar di bawah Jabatan Perikanan merangkumi tiga sektor industri iaitu industri tangkapan, akuakultur dan pemrosesan turut serta dalam aktiviti jualan hasil/produk keluaran masing-masing.

Aktiviti jualan produk-produk perikanan akan bermula pada jam 8.00 pagi sehingga jam 4.00 petang (Khamis hingga Ahad), kecuali pada Jumaat, di mana jualan akan bermula pada jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan disambung semula pada jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi mendapatkan pelbagai hasil laut segar seperti ikan, udang dan sotong, manakala pengusaha dalam sektor akuakultur akan menawarkan ikan ternakan laut berkualiti tinggi seperti Ikan Selungsong dan Tilapia.

Di samping itu, pengusaha dalam sektor pemrosesan makanan laut pula akan memasarkan pelbagai produk berasaskan hasil perikanan seperti produk ikan beku, tambah nilai, keropok, belacan dan ikan masin.

Keputusan Tawaran Tertutup TPK siri BBK diumumkan

■ Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mei. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa keputusan Tawaran Tertutup Tanda Pengenaln Kenderaan (TPK) bagi tiga dan empat angka siri BBK melalui Click-and-Bid akan diumumkan melalui laman sesawang NomborKu di www.nomborku.gov.bn pada Jumaat, 16 Mei 2025.

Semua penender yang telah mengikuti Tawaran Tertutup TPK sama ada berjaya atau sebaliknya juga akan menerima e-mel mengenai keputusan tawaran berkenaan melalui e-mel yang telah didaftarkan bersama pihak JPD.

Penender yang berjaya adalah dikehendaki untuk mematuhi terma dan syarat seperti berikut, iaitu penender yang berjaya hendaklah membayar keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan TPK atas nama penender sendiri tidak lewat satu bulan dari tarikh menerima surat berjaya dan jika penender yang berjaya gagal membuat pembayaran, maka TPK yang dimenangi akan dibatalkan secara automatik dan caj penyertaan tawaran tidak dikembalikan.

Pemohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bolehlah dipohonkan setelah bayaran penuh dijelaskan dan dihadapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh surat berjaya dikeluarkan.

Setelah pembayaran berjaya dibuat, sekiranya pemohon belum mendaftarkan TPK dan berhasrat untuk menyimpan TPK, penahanan (holding) TPK bolehlah dibuat dengan jumlah bayaran penahanan sebanyak BND20 bagi tempoh setiap satu tahun penahanan.

Tempoh minima bagi penahanan adalah satu tahun dan maksimum 10 tahun mengikut jangka masa yang dipilih bagi setiap TPK.

Pembayaran TPK berjaya dan penahanan TPK boleh dilaksanakan melalui dalam talian atau di mana-mana kaunter Cawangan JPD kecuali Kompleks Litar Latihan dan Ujian Memandu JPD Sungai Akar.

Jika penender yang berjaya ingin menyerahkan TPK berkenaan, persyaratan perkhidmatan serah bagi TPK tiga dan empat angka adalah seperti berikut, iaitu perkhidmatan serah TPK tiga dan empat angka dibenarkan kepada sesiapa sahaja lebih daripada satu kali sama ada melalui Perkhidmatan Serah TPK sahaja atau Perkhidmatan Serah TPK melalui Tukar Milik Kenderaan.

Pemohonan serah sama ada melalui Perkhidmatan Serah TPK atau Perkhidmatan Serah Tukar Milik Kenderaan selepas tempoh 12 bulan berakhir daripada tarikh surat berjaya dikeluarkan, permohonan yang dibenarkan akan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak BND5.

Pemohonan serah sama ada melalui Perkhidmatan Serah TPK atau Perkhidmatan Serah Tukar Milik Kenderaan kurang daripada tempoh 12 bulan daripada tarikh surat berjaya dikeluarkan, permohonan yang dibenarkan akan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak BND100.

Pemohonan serah sama ada melalui Perkhidmatan Serah TPK atau Perkhidmatan Serah Tukar Milik Kenderaan yang telah diproses dan dibenarkan, caj perkhidmatan tidak akan dikembalikan (non-refundable).

JPD sukacita ingin mengucapkan tahniah kepada semua penender yang berjaya dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penender atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui WhatsApp +673 7181641 atau e-mel hello@jpd.gov.bn.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.jpd.gov.bn dan Instagram [@jpd.bn](https://www.instagram.com/jpd.bn) bagi maklumat lanjut.

KEMALANGAN MAUT LIBATKAN SEORANG LELAKI TEMPATAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Khamis, 15 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan mengenai satu insiden kemalangan maut yang melibatkan seorang individu yang sedang berjoging, yang dilaporkan berlaku pada malam Selasa, kira-kira jam 8.00 malam, pada 13 Mei 2025.

Kejadian tragis berkenaan berlaku di kawasan Perumahan Lumut, Jalan Balingkawang yang melibatkan seorang lelaki warganegara tempatan berumur 40 tahun.

Siasatan dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor punca kemalangan.

Sehubungan dengan itu, pihak PPDB menyeru orang awam yang mempunyai sebarang maklumat

berkaitan kejadian berkenaan agar tampil membantu siasatan dengan memberikan keterangan kepada pihak PPDB.

PPDB ingin menasihati para pemandu agar sentiasa berwaspada dan memberikan perhatian penuh ketika memandu,

terutamanya di kawasan perumahan dan laluan berhampiran taman rekreasi yang sering digunakan oleh pejalan kaki dan individu yang berjoging.

Langkah berjaga-jaga seperti berkenaan amat penting bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.



SATU insiden kemalangan maut yang melibatkan seorang individu yang sedang berjoging, yang dilaporkan berlaku pada malam Selasa, kira-kira jam 8.00 malam, pada 13 Mei 2025.

OPKEMAS : 4 syarikat dikenakan denda kompaun



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Daripada 15 syarikat yang telah diberikan amaran, empat buah syarikat dikenakan denda kompaun kerana telah mengendahkan amaran pihak yang berkuasa dan melanggar Peraturan-peraturan Perancangan

Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018, iaitu meletakkan, menggunakan, menghalang, mempamerkan barang-barang di kawasan-kawasan kaki lima dan landskap yang boleh mengundang bahaya akibat daripada keadaan kawasan

ANTARA syarikat dikenakan denda kompaun kerana telah mengendahkan amaran pihak yang berkuasa dan melanggar Peraturan-peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018 (kiri dan kanan).

yang licin serta kotor.

Kegiatan seperti berkenaan juga boleh menjejaskan nilai estetik dan kecantikan kawasan-kawasan perniagaan di negara ini.

Kesalahan - kesalahan berkenaan telah dikenal pasti semasa Operasi Kemas (OPKEMAS) yang dijalankan oleh pihak Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Daerah Brunei dan Muara pada 12 Mei lalu.

Untuk makluman orang ramai, denda bagi setiap satu kesalahan adalah sejumlah wang tidak melebihi BND500.

Syarikat-syarikat berkenaan telah diberikan tempoh tujuh hari daripada tarikh denda kompaun dikeluarkan untuk menjelaskan

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan lelaki dan No. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

Penyebab bagi:

1 dalam 5 kanser lelaki

1 dalam 10 kanser wanita

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan minum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa



denda-denda berkenaan.

Pihak Autoriti Perancang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan mengingatkan orang ramai, pemilik-pemilik dan para pengusaha bangunan perniagaan dan perusahaan untuk sama-sama sentiasa mematuhi undang-undang perancangan dan

sama-sama bertanggungjawab bagi memastikan keindahan, kebersihan serta keselamatan kawasan perniagaan di negara ini untuk sentiasa dijaga.

Sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa menerusi talian +673 8200222.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi: Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah: PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan: bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi: Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu
- Kelulusan Pendidikan Tinggi: Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah
- Tamat Persekolahan: (Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan: menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta
- Pengalaman Kerja Beruniform
- Pengalaman Bekerja Sendiri
- Penempatan Kerja
- Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- Kelayakan Profesional
- Peperiksaan Kesetiausahaan
- Kemahiran Bahasa
- Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- Program Pembangunan Eksekutif

MEMPERKASA BUDAYA MEMBACA DALAM MASYARAKAT

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Mei. - Dalam usaha untuk memperkasa dan melestarikan bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terus bergerak aktif dengan mengukuhkan Program Dudun DBP di Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Jalan Kebangsaan.

Program berbentuk kembara dan menyapa masyarakat ini bertujuan untuk memberi pendedahan meluas dan pengalaman menyeronokkan melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti yang menarik dan interaktif. Hadir selaku tetamu kehormat

majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Dudun DBP ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah @Dollah bin Haji Ahad.

Terdahulu, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengetua Sekolah Rendah dan TASKA YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat dan diikuti dengan ucapan Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Pemangku Pengarah DBP dalam ucapannya menyeru semua guru agar terus memainkan peranan aktif dalam memperkasakan penggunaan

bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran harian di sekolah.

"Program ini merupakan sebahagian daripada usaha dan strategi berterusan DBP untuk mendekati masyarakat, khususnya generasi muda dan pelajar sekolah selaku ejen penting dalam pembangunan negara bangsa. Dudun DBP juga menjadi ruang kepada guru dan pelajar sekolah untuk berinteraksi secara langsung dengan pegawai dan kakitangan DBP semasa menyertai pelbagai aktiviti yang mendidik sambil menghibur.

"Sudah setentunya, penglibatan para pelajar akan dapat meningkatkan minat dan penghayatan mereka terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul, di samping memupuk rasa bangga dan cinta terhadap bahasa rasmi negara," ujarnya.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Dendang Tari Melayu Asli Kayum Oh Kayum dengan iringan muzik gulintangan oleh para pelajar Sekolah Rendah YSHHB.

Dudun DBP merupakan acara kesinambungan bagi Majlis Sambutan Hari Buku Sedunia 2025 dengan tema 'Bacalah dengan Gayamu' yang telah diadakan di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas pada 23 April 2025.

Antara objektif penganjuran Dudun DBP adalah untuk memperkasa budaya membaca yang berterusan dalam kalangan masyarakat; menggalakkan masyarakat terutama kanak-kanak



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Dudun Dewan Bahasa dan Pustaka (kiri dan atas).

meneroka dan menikmati keseronokan membaca buku; mendedahkan generasi muda tentang peri pentingnya membaca buku; serta menanamkan sikap cintakan ilmu melalui aktiviti yang berkaitan dengan pembacaan.

Lebih 1,500 pelajar Sekolah Rendah dan TASKA YSHHB menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh DBP, antaranya Putik Bahasa, Susun dan Bina Pantun, Kuiz Pantas, Bina Perkataan, Cerita Bayangan, Padan dan Ingat, Lukis dan Teka Peribahasa, Pendaftaran Ahli Perpustakaan, Pameran dan Jualan Buku Terbitan DBP, Memadankan Kata Brunei dan

Perpustakaan Bergerak.

Salah satu pengisian kegiatan yang menarik ialah Sesi Bercerita bagi murid TASKA yang disampaikan oleh tiga penulis buku cerita kanak-kanak dan komik tempatan iaitu Dayang Rosmuliati binti Haji Yahya, Dayang Siti Nadhrhah binti Norzelan dan Awang Mohammad Rezuan bin Haji Jamaeh.

Pengendalian Program Dudun DBP dihasrat akan dapat menyuntik semangat untuk sentiasa meningkatkan rasa kepemilikan dan kecintaan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan guru dan pelajar sekolah.



'Custom minifigure', mainan unik dalam bingkai

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan @figflex_

KEMUNCULAN trend *minifigure* atau figura mini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Ia bukan sekadar mainan untuk kanak-kanak, tetapi telah berkembang menjadi satu fenomena global yang digemari oleh semua peringkat umur dan latar belakang. Gambar yang dipaparkan adalah bingkai figura mini, biasanya mengandungi figura kecil seperti *minifigure* Lego. Ia direka menyerupai seseorang dan menampilkan pakaian, gaya rambut atau ciri visual individu tersebut. Bingkai figura mini ini sesuai untuk dijadikan hadiah penghargaan dan kenang-kenangan kepada seseorang.

Melalui gambar yang diberikan, jelas terlihat bahawa setiap figura mini direka dengan latar belakang yang berbeza, menggambarkan pelbagai latar profesion dan watak. Sebagai contoh, terdapat figura yang memakai pakaian seragam tentera, figura yang direka bentuk menjadi seorang jururawat, pasangan pengantin, wanita berhijab dan sebagainya.

Bingkai figura mini semakin dilihat sebagai simbol kenangan yang dapat dipamerkan di rumah atau tempat kerja. Bukan sahaja sebagai hadiah, ia juga dijadikan sumber koleksi bagi sesetengah penggemar dan menjadi barang hiasan di rumah. Figura mini ini juga membawa simbolik, cerita, kenangan kepada setiap penggemar dan si pemberi. Ia selalu dikaitkan dengan latar belakang pekerjaan, bidang pelajaran, ataupun memori-memori yang boleh divisualisasikan oleh si pembuat.

Pada temu bual bersama Awangku Hafeezur Rahman bin Pengiran Haji Ramlee, pengusaha tempatan yang menawarkan perkhidmatan penjualan

custom minifigure dalam bingkai ini mengongsikan cara pembuatan *minifigure* tersebut. Jelas beliau, proses pembuatan bukanlah mudah. Ia melibatkan beberapa peringkat seperti reka bentuk menggunakan perisian, pencetakan, penyemburan, dan kemasan akhir. Bahan-bahan yang digunakan juga memerlukan bajet yang agak tinggi.

Idea untuk menghasilkan *custom minifigure* dalam bingkai datang daripada diri beliau sendiri yang merupakan seorang peminat setia koleksi mainan seperti Lego. Oleh kerana tidak semua koleksi boleh didapati, beliau mula mencipta *custom minifigure* sendiri.

"Apabila hasil kerja dikongsikan kepada rakan-rakan dan ahli keluarga, mereka turut berminat untuk membuat tempahan. Walaupun pada awalnya mencabar, usaha ini akhirnya membuahkan hasil. Tambahan pula, perniagaan ini menjadi sumber pendapatan utama untuk menyokong kewangan keluarga," ujar beliau.

Tambahnya lagi, dalam suasana perniagaan tempatan yang terhad, menjadikan hobi ini sebagai sumber rezeki



dan ia adalah satu peluang yang tidak disangka. Minat terhadap koleksi mainan akhirnya mencetuskan idea untuk memulakan perniagaan yang unik ini.

Selain itu, harga bagi satu *custom minifigure* ialah BND48 dan jumlah ini sudah termasuk beg kertas (*paper bag*) serta kad ucapan (*message card*). Harga tersebut tidak termasuk jenis paparan seperti bingkai 3D dan aksesori tambahan. Jadi, bagi mereka yang ingin menempah figura mini dalam bingkai bolehlah

mengunjungi akaun Instagram beliau @figflex_ untuk melihat lebih banyak contoh reka bentuk yang pernah beliau hasilkan.

Proses penyediaan satu tempahan mengambil masa antara tiga hari hingga empat minggu, tergantung kepada jumlah tempahan yang dibuat. Bagi mereka yang merancang untuk memberikan sesuatu kepada orang yang tersayang, dan ingin memberi kelainan dan sesuatu yang boleh diingat sampai bila-bila, figura mini ini mungkin pilihan yang tepat.



Pantau kehadiran pelajar lebih teratur, bersistematis

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Jabatan Penerangan, ihsan Sekolah Menengah Tanjong Maya

SAMS

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menitikberatkan perkembangan pembelajaran pelajar-pelajar di negara ini kerana rakyat yang berpendidikan setentunya akan dapat membantu mengembangkannya sesebuah negara. Dalam hal ini, kehadiran pelajar-pelajar ke sekolah adalah satu isu yang dipandang serius dan memerlukan pemantauan secara terus apatah lagi di bawah Akta Pendidikan Wajib 2007 telah mewajibkan pelajar-pelajar yang berumur 6 tahun untuk bersekolah.

Sehubungan itu, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan melalui Unit Pengurusan Data dan Teknologi (UPDT) telah mengambil satu inisiatif dengan melaksanakan satu projek yang dikhususkan bagi memantau kehadiran pelajar-pelajar di sektor-sektor pendidikan di seluruh negara dengan lebih efisien. Dikenali sebagai Student Attendance Management System (SAMS), projek ini telah memenangi Anugerah Gangsa bagi Kategori Anugerah Inovasi Perdana (AIP) sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-30 Tahun 2023.

SAMS ialah salah satu pusat data perisian komprehensif yang bertujuan untuk memantau kehadiran pelajar-pelajar sekolah rendah kerajaan, sekolah menengah dan pelajar-pelajar Pusat Tingkatan Enam (PTE) di seluruh negara. Projek ini dilaksanakan selaras dengan Akta Pendidikan Wajib 2007 yang mewajibkan pelajar-pelajar yang berumur 6 tahun untuk bersekolah dan untuk mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

SAMS juga digunakan untuk menyelenggara rekod, menjana laporan kehadiran serta mengenal pasti sebab-sebab ketidakhadiran setiap pelajar di Institusi Pendidikan khususnya sekolah-sekolah kerajaan (peringkat rendah, menengah dan PTE) di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan ini, data kehadiran pelajar-pelajar akan lebih teratur dan sistematik untuk diguna pakai oleh pihak sekolah dan juga jabatan-jabatan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan. Justeru itu, data-data yang diperoleh telah membantu pihak sekolah dan JSS untuk mengenal pasti isu-isu yang

menyumbang kepada peningkatan peratus ketidakhadiran dan membantu pihak-pihak berkenaan merancang strategi intervensi yang lebih terarah dan berkesan.

Objektif

Pelaksanaan inisiatif ini mempunyai beberapa objektif iaitu untuk mengenal pasti, menangani dan memantau kehadiran setiap pelajar dengan lebih cepat, tepat dan efisien serta meneliti dan mengenal pasti maklumat alasan ketidakhadiran pelajar dengan lebih telus dan cepat. Selain itu, untuk meningkatkan purata peratus kehadiran pelajar mencapai 85 peratus ke atas selaras dengan Akta Pendidikan Wajib 2007 dan mengelakkan kesilapan manual, kos efektif dan efisien juga merupakan antara objektif ia dilaksanakan di samping untuk menyediakan data dan analisis untuk diguna pakai pihak yang berkepentingan bagi memberi bantuan dan sokongan kepada pelajar-pelajar.

Impak, hasil


Beberapa impak dan hasil daripada pelaksanaan inisiatif SAMS ini telah dikenal pasti iaitu penjimatan kos dan masa; pemantauan dalam masa nyata; pengambilan kehadiran pelajar dilaksanakan secara teratur dan sistematik serta pengekstrakan data telus, cepat dan memberikan pelaporan yang komprehensif.

Selain itu, dengan terlaksananya SAMS juga telah dapat membantu mengenal pasti alasan dan punca ketidakhadiran pelajar; meningkatkan peratus kedatangan pelajar dan pencapaian akademik pelajar serta mengeratkan kolaborasi antara pihak berkepentingan dan agensi luar.

Kesimpulan

Hasil maklum balas daripada pihak sekolah menyatakan bahawa SAMS telah membantu pihak sekolah untuk memantau kehadiran pelajar dan mengenal pasti sebab ketidakhadiran pelajar dan seterusnya membantu pihak sekolah untuk menangani isu ketidakhadiran. SAMS juga telah berjaya membantu meningkatkan peratus kedatangan pelajar kepada 85 peratus seperti yang disasarkan oleh Kementerian Pendidikan dan juga telah memberi impak yang positif kepada pelajar, pihak sekolah, ibu bapa, Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Namun, kehadiran pelajar-pelajar ke sekolah janganlah dipikul oleh pihak kerajaan semata-mata. Selaku ibu bapa ataupun penjaga hendaklah sama-sama berganding bahu dalam memastikan dan memantau kehadiran anak-anak mereka ke sekolah bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.





PUTIN TANDATANGANI PERINTAH DELEGASI RUNDINGAN RUSIA-UKRAINE DI ISTANBUL

ISTANBUL, 15 Mei. - Presiden Rusia, Vladimir Putin pada Rabu menandatangani perintah rasmi

yang menetapkan senarai anggota delegasi negara itu untuk rundingan secara langsung dengan Ukraine yang dijadual berlangsung di Istanbul pada Khamis, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menurut dekri yang disiarkan di laman web rasmi Kremlin, delegasi tersebut akan diketuai oleh pembantu Presiden, Vladimir Medinsky. Anggota lain termasuk Timbalan

Menteri Luar, Mikhail Galuzin, Pengarah Direktorat Perisikan Utama Staf Am Tentera Rusia, Igor Kostyukov, serta Timbalan Menteri Pertahanan, Alexander Fomin. Perintah itu turut mengesahkan

penyertaan sekumpulan pakar bagi menyokong proses rundingan tersebut. "Perintah ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Ketua Pertahanan NATO tegaskan semula sokongan kepada Ukraine menjelang sidang Hague

GENEVA, 15 Mei. - Pemimpin tertinggi tentera Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) pada Rabu mengulangi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Ukraine serta komitmen untuk memperkukuh pendirian pencegahan dan pertahanan pakatan itu semasa Sesi Ketua Pertahanan Jawatankuasa Tentera NATO ke-193 yang diadakan di Brussels.

Mesyuarat tersebut turut menjadi persiapan utama menjelang Sidang Kemuncak NATO yang dijadual berlangsung Jun ini di The Hague, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Pengerusi Jawatankuasa Tentera, Laksamana Giuseppe Cavo Dragone membuka sesi dengan menekankan perpaduan dalam kalangan pasukan bersekutu yang disifatkannya sebagai tonggak pertahanan kolektif NATO, menurut kenyataan NATO.

Beliau berkata, pertemuan itu mencerminkan perpaduan berterusan pakatan tersebut dan keperluan untuk nasihat ketenteraan yang jelas dan tepat pada masanya kepada kepimpinan politik, berteraskan ketegasan dan kesepakatan bersama.

Ketua pertahanan turut

menerima taklimat daripada Panglima Tertinggi Bersekutu NATO di Eropah (SACEUR) berhubung operasi semasa dan strategi pencegahan.

Ini diikuti dengan pembentangan oleh Panglima Tertinggi Transformasi NATO, Laksamana Pierre Vandier mengenai perancangan pertahanan NATO, inovasi dan teknologi baharu yang sedang muncul.

Dalam sesi penutup, Ketua Pertahanan Ukraine, Jeneral Oleksandr Syrskyi menyertai secara maya dari Kyiv untuk memberikan perkembangan terkini mengenai situasi di

medan perang.

Anggota NATO sekali lagi menegaskan sokongan padu mereka kepada Ukraine, sambil menekankan keperluan mendesak untuk bantuan berterusan dan menyatakan

bahawa kini - lebih dari sebelumnya - adalah penting untuk NATO terus membekalkan apa yang diperlukan oleh Ukraine demi mempertahankan diri. - ©BERNAMA

Belanda, Denmark tempat terbaik untuk menjadi kanak-kanak - UNICEF

ROME, 14 Mei. - Belanda dan Denmark adalah dua tempat terbaik untuk menjadi kanak-kanak berdasarkan ukuran kesejahteraan mental, kesihatan fizikal dan kemahiran, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Ia adalah hasil penyelidikan oleh organisasi perlindungan kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), UNICEF, yang diterbitkan pada Rabu.

Perancis berada di tempat ketiga, diikuti oleh Portugal dan Ireland, menurut laporan UNICEF itu yang membandingkan data daripada 43 negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) serta Kesatuan Eropah (EU).

New Zealand, Colombia, Mexico, Turkiye dan Chile pula berada di kedudukan paling bawah.

Laporan itu mendapati banyak negara mengalami kemerosotan ketara dalam kemahiran akademik kanak-kanak akibat penutupan sekolah semasa pandemik COVID-19.

Pengarah UNICEF Innocenti Global Office of Research and Foresight, Bo Viktor Nylund berkata kanak-kanak sudah pun menghadapi pelbagai cabaran sebelum pandemik melanda.

"Dengan ketidakpastian ekonomi yang semakin meningkat, semua negara perlu memberi keutamaan kepada pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak untuk menjamin masa depan dan kebahagiaan mereka, serta keselamatan ekonomi masyarakat kita."

Di 43 negara, dianggarkan lapan juta remaja berusia 15 tahun iaitu kira-kira separuh daripada kumpulan umur itu, dinilai sebagai tidak celik huruf dan angka secara fungsian, bermakna mereka tidak mampu memahami teks asas.

Peratusan tertinggi dicatatkan di Bulgaria, Colombia, Costa Rica, Cyprus dan Mexico.

Namun, terdapat perkembangan positif seperti penurunan kadar kematian kanak-kanak, pengurangan kadar

diri dalam kalangan remaja selain peningkatan kadar tamat persekolahan.

Laporan itu menyuarakan kebimbangan terhadap kesihatan mental, dengan tahap kepuasan hidup kanak-kanak semakin merosot. Jepun satu-satunya negara yang mencatat peningkatan ketara.

Kesihatan fizikal kanak-kanak juga semakin merosot, dengan bilangan kanak-kanak yang mengalami masalah berat badan berlebihan terus meningkat.

"Pasca pandemik, data ini menjadi penanda aras yang membimbangkan bagi kesejahteraan kanak-kanak, khususnya daripada latar belakang yang kurang bernasib baik," kata Nylund.

"Skala cabaran yang dihadapi kanak-kanak menunjukkan kita memerlukan pendekatan menyeluruh dan holistik yang merangkumi seluruh zaman kanak-kanak, untuk menangani keperluan mereka pada setiap peringkat kehidupan."

- ©BERNAMA

Tabung Haji perkenal platform GoogleWalk, bantu jemaah haji navigasi laluan di Tanah Suci

MAKKAH, 15 Mei. - Lembaga Tabung Haji (TH) menerusi Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Jabatan Haji memperkenalkan platform navigasi baharu, dikenali sebagai GoogleWalk bagi membantu jemaah haji Malaysia mengenal pasti laluan pulang ke bangunan penginapan masing-masing di Tanah Suci.

Pengarah Operasi Maktab Tabung Haji, Mohd. Fahmi Kamarudin berkata platform berasaskan Google Maps itu dibangunkan khusus untuk kegunaan jemaah haji Malaysia yang menginap di tujuh Bangunan Penginapan Jemaah Haji (BPJH) di Makkah.

"Alhamdulillah, pada tahun ini, Pengurusan Operasi Maktab TH memperkenalkan satu platform baharu bagi memudahkan jemaah haji mengenal pasti laluan ke bangunan penginapan mereka."

"Platform ini telah dikongsi kepada para jemaah melalui kumpulan WhatsApp setiap KT, dan turut boleh digunakan bagi mendapatkan perkhidmatan teksi atau bas tempatan untuk memudahkan perjalanan pulang ke penginapan," katanya kepada media di sini, baru-baru ini.

Mohd. Fahmi berkata platform ini merupakan penambahbaikan daripada kaedah perkongsian lokasi langsung (*live location*) menerusi WhatsApp yang digunakan sebelum ini, hasil daripada kajian mendalam sejak beberapa tahun lalu.

"Kita dapati platform ini lebih mudah dan mesra pengguna, selain tidak menggunakan data internet yang banyak. Ia juga dapat membantu jemaah yang tersasar arah, terutama selepas menyempurnakan ibadah umrah di kawasan Mas'a antara Safa dan Marwah," katanya.

Mohd. Fahmi berkata walaupun GoogleWalk tidak dilengkapi fungsi penjejak (*tracker*), jemaah masih boleh berkongsi lokasi semasa mereka untuk membolehkan petugas TH membantu mengesan dan memberi panduan arah ke tempat penginapan.

Mohd. Fahmi berkata platform tersebut digunakan buat pertama kali pada musim haji tahun ini melalui integrasi bersama *e-book* petugas haji dan turut diperluas kepada jemaah bagi tujuan kemudahan bersama.

"Statistik menunjukkan bilangan jemaah yang tersasar setiap tahun agak tinggi, terutama apabila berlaku kesesakan di sekitar Masjidil Haram. Oleh itu, platform ini diharap dapat memberi impak positif kepada kelancaran operasi harian serta keselamatan jemaah," katanya.

Sementara itu, seorang jemaah haji, Sudiman Ahmad Tinggal, yang menginap di Abraj Al-Tayseer menyifatkan platform navigasi berkenaan sebagai satu penambahbaikan signifikan oleh TH, khususnya dalam memudahkan pergerakan jemaah sepanjang berada di Tanah Suci.

"Sangat memudahkan. Dengan sekali tekan sahaja, aplikasi ini terus membawa kita ke destinasi yang dituju. InsyaaAllah, ia benar-benar membantu dan memberi manfaat kepada kami sebagai jemaah," katanya. - ©BERNAMA

Gempa bumi berukuran 6.4 magnitud landa Tonga

SUVA, 14 Mei. - Gempa bumi berukuran 6.4 magnitud menggegarkan kawasan 137 kilometer (km) ke barat Neiafu, Tonga pada 5.15 petang waktu tempatan (0415 GMT) pada Rabu, menurut Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS), lapor Xinhua.

Tiada laporan segera mengenai kemalangan jiwa atau kerosakan harta benda.

Pusat gempa, dengan kedalaman 243.1km itu terletak 18.720 darjah latitud selatan dan 175.283 darjah longitud barat, menurut USGS.

Pusat Amaran Tsunami Pasifik tidak mengeluarkan sebarang amaran tsunami susulan gempa itu.

Negara Pulau Pasifik seperti Fiji, Tonga dan Vanuatu terletak di kawasan yang dikenali sebagai 'Lingkar Api Pasifik', iaitu satu lengkungan zon gempa bumi dan gunung berapi yang plat benua bertembung, menyebabkan aktiviti seismik yang kerap berlaku. - ©BERNAMA

Dua maut di South Australia selepas hanyut ke laut

CANBERRA, 14 Mei. - Pihak berkuasa di South Australia (SA) menemukan mayat dua wanita yang hanyut ke laut semasa memancing pada Selasa, lapor Xinhua.

Polis SA memaklumkan yang perkhidmatan kecemasan dikerahkan ke lokasi iaitu pantai berhampiran bandar Streaky Bay, kira-kira 500 kilometer barat laut Adelaide, selepas menerima laporan dua wanita hilang di laut semasa berjalan di kawasan cetek.

Operasi mencari dan menyelamatkan segera dilancarkan dan dua wanita, masing-masing

berusia 67 dan 65 tahun pada awalnya cuba ditarik keluar daripada hanyut namun gagal diselamatkan.

Datuk Bandar tempatan, Travis Barber, memberitahu Perbadanan Penyiaran Australia (ABC) bahawa kedua-dua wanita itu sedang memancing salmon ketika mereka dilaporkan hilang.

"Ini benar-benar satu tragedi buat bandar kami," katanya.

"Seperti yang diketahui ramai, kami mengalami beberapa insiden maut akibat serangan jerung kebelakangan ini dan kini insiden ini pula."

Lance Appleby, 28 tahun,

sedang meluncur ombak di sebuah pantai di barat daya Streaky Bay pada Januari lalu apabila dia mati diserang seekor jerung, yang menurut saksi adalah jerung putih besar.

Seorang lagi peluncur, Tod Gendle, 55 tahun yang jatuh dari papan luncurnya turut maut akibat serangan jerung di lokasi yang sama pada Oktober 2023.

Barber berkata insiden pada Selasa itu merupakan peringatan yang jelas kepada orang ramai untuk berhati-hati ketika berada di kawasan pantai wilayah itu. - ©BERNAMA

PBB PERINGATI ULANG TAHUN NAKBA, CHINA SERU PELAKSANAAN 'PENYELESAIAN DUA NEGARA'

GENEVA, 16 Mei. - China akan terus berganding bahu dengan semua negara yang mencintai keamanan untuk mendorong pelaksanaan 'Penyelesaian Dua Negara' supaya isu Palestin dapat diselesaikan secara menyeluruh dan berkekalan, manakala Nakba tidak akan berulang lagi.

Naib Wakil Tetap China ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Geng Shuang berkata demikian semasa berucap pada sesi memperingati ulang

tahun ke-77 peristiwa Nakba yang diadakan PBB pada Khamis.

"77 tahun lepas, lebih separuh rakyat Palestin diusir atau terpaksa meninggalkan kampung mereka semasa perang Arab-Israel, dan sejak itulah perjuangan mereka untuk mendapatkan semula hak dan kepentingan sah pun bermula.

"Hari ini, 77 tahun kemudian, ketidakadilan bersejarah yang dialami rakyat Palestin bukan sahaja tidak dapat dibetulkan,

malah menjadi semakin buruk," kata Geng.

Beliau berkata, perang di Gaza sudah berlarutan selama 19 bulan dan meragut 53,000 nyawa rakyat Palestin. Di samping itu, Israel memperhebat serangan dan pengepungan terhadap Gaza, mengakibatkan dua juta rakyat Palestin terjerumus ke dalam bencana kemanusiaan yang tidak pernah berlaku, serta menghadapi ancaman pemindahan paksa.

Geng menekankan bahawa

China tetap mengangkat keadilan dan menyokong perjuangan rakyat Palestin demi memulihkan hak bangsa yang sah.

"China menyokong pembinaan negara Palestin bebas berasaskan garis sempadan pada 1967, beribu negara di Baitulmuqaddis Timur serta mempunyai kedaulatan penuh, dan menjadi negara anggota rasmi PBB dengan secepat mungkin," kata Geng.

Selain itu, menurut beliau, China menyokong rancangan pemulihan dan pembangunan semula di Gaza



yang dikemukakan oleh Mesir dan negara-negara Arab, sementara menanti-nantikan mesyuarat peringkat tinggi mengenai pelaksanaan 'Penyelesaian Dua Negara' yang diadakan bersama Perancis dan Arab Saudi pada Jun dapat menyuntik tenaga baharu bagi pelaksanaan rancangan itu. - ©BERNAMA

Protes lumpuhkan operasi loji hidroelektrik terbesar Haiti

PANAMA CITY, 16 Mei. - Loji hidroelektrik terbesar Haiti menghentikan pengeluaran sepenuhnya selepas penunjuk perasaan menduduki fasiliti itu, menurut syarikat utiliti milik kerajaan Electrice 'Haiti' (EDH) pada Khamis, lapor Xinhua.

Dalam satu kenyataan, EDH mengecam tindakan penunjuk

perasaan ke atas Loji Peligre pada Selasa dan menyifatkannya sebagai tindakan kejam yang menyebabkan gangguan bekalan elektrik sepenuhnya di kawasan yang masih bergantung kepada utiliti itu untuk tenaga.

EDH menyeru pihak berkuasa agar menyalut insiden itu dan mengambil tindakan terhadap

pihak yang bertanggungjawab dan memastikan perlindungan fasiliti berkenaan.

Ini bukan kali pertama loji hidroelektrik itu terpaksa dihentikan operasinya. Pada September 2024, ia turut dihentikan susulan protes berkaitan agihan bekalan elektrik yang terhad. - ©BERNAMA

Raja Charles kini pada fasa yang lebih baik dalam usaha melawan kanser

LONDON, 16 Mei. - Raja Charles III dari United Kingdom secara terbuka berkongsi mengenai rawatan kanser dan percaya yang baginda kini berada pada fasa yang lebih baik dalam usaha melawan penyakit itu, lapor PA Media/dpa.

Kenyataan itu dibuat oleh Raja Charles kepada seorang bekas pesakit kanser yang ditemuinya semasa lawatan bersama Permaisuri Camilla ke Bradford pada Khamis bagi meraikan status bandar raya itu sebagai Bandar

Raya Budaya UK.

Baginda menerima rawatan berterusan sejak kira-kira 15 bulan lalu selepas disahkan menghidap sejenis kanser yang tidak didedahkan pada awal 2024.

Raja Charles meningkatkan beban kerjanya pada awal tahun ini berikutan kemajuan positif dalam rawatannya dan perkara itu diteruskan walaupun baginda mengalami gangguan kecil apabila terpaksa menjalani rawatan

singkat di hospital akibat kesan sampingan rawatan kanser pada Mac.

Baginda dijadualkan berlepas ke Kanada pada akhir Mei untuk pembukaan parlimen negara Komanwel itu dan selepas tempoh musim panas yang sibuk, akan menjadi tuan rumah kepada lawatan negara oleh Presiden Perancis, Emmanuel Macron, walaupun ketika itu biasanya jadual diraja mula berkurangan. - ©BERNAMA

Menteri Luar Negara Arab bertemu di Iraq, isu Palestin fokus utama agenda sidang Baghdad

BAGHDAD/ISTANBUL, 16 Mei. - Menteri Luar negara Arab telah memuktamadkan agenda Sidang Kemuncak Liga Arab Ke-34 di Baghdad, menandatangani isu Palestin sebagai fokus utama, kata jurucakap kerajaan Iraq, Bassem al-Awadi pada Khamis, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menurut Awadi kepada Agensi Berita Iraq (INA), para menteri bersidang dalam sesi tertutup untuk meneliti dan mengesahkan draf agenda serta resolusi sidang kemuncak, yang kini akan dikemukakan kepada pemimpin Arab untuk diterima pakai.

Beliau berkata lapan perkara utama disenaraikan dalam agenda, dengan tumpuan terhadap usaha bersama Arab, termasuk isu Palestin, keselamatan negara Arab dan memerangi keganasan.

Awadi menambah cadangan

berkenaan akan dibentangkan kepada ketua kerajaan dan negara dalam sesi ke-34 Majlis Liga Arab di peringkat sidang kemuncak.

Antara perkara penting yang dibincangkan ialah dua laporan - satu mengenai hasil dan komitmen Sidang Kemuncak ke-33, dan satu lagi tentang tindakan bersama Arab yang disediakan Setiausaha Agung Liga Arab.

Agenda itu juga merangkumi perbincangan menyeluruh mengenai isu Palestin dan konflik Arab-Israel, disusun mengikut lima sub-perkara utama.

Isu utama lain termasuk hal ehwal Arab dan keselamatan serantau, merangkumi 11 kawasan krisis, perubahan iklim, keselamatan bersama Arab, tempat penganjuran Sidang Kemuncak ke-35 serta penamaan calon Arab ke institusi serantau dan

antarabangsa.

Awadi berkata lima inisiatif diterajui Iraq diluluskan oleh para menteri, termasuk penubuhan pusat memerangi keganasan Arab, pusat antinarkotik Arab, pusat pencegahan jenayah Arab, dewan penyelarasan keselamatan bersama Arab, dan dana Arab untuk menyokong pemulihan serta pembinaan semula pascakrisis.

Persiapan bagi sidang kemuncak tahunan itu bermula awal minggu ini dengan ketibaan para menteri Arab di Baghdad.

Sidang Kemuncak tahun ini bertemakan 'Dialog, Solidariti dan Pembangunan', dan dijangka memberi tumpuan besar kepada kempen ketenteraan Israel di Semenanjung Gaza, yang telah meragut hampir 53,000 nyawa rakyat Palestin sejak Oktober 2023. - ©BERNAMA

Lebih 16,000 tandatangan bantah terowong peribadi Porsche di Salzburg

VIENNA, 16 Mei. - Lebih 16,000 orang menandatangani petisyen membantah pembinaan terowong peribadi ke vila tokoh automotif Wolfgang Porsche di bandar Salzburg, Austria, menurut penganjur petisyen itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Gisela Zeindlinger, yang memulakan surat protes dalam talian itu berkata pada Khamis bahawa golongan terlalu kaya tidak seharusnya diberi keistimewaan khas hanya kerana kekayaan mereka.

Beliau memberitahu dpa yang rakyat Salzburg tidak akan mendapat manfaat daripada projek itu sebaliknya akan menanggung kesan negatif seperti bunyi bising, kekotoran dan getaran akibat pembinaan terowong itu.

Zeindlinger menyerahkan senarai tandatangan kepada Datuk Bandar Salzburg, Bernhard Auinger.

Masih belum jelas bila jawatankuasa berkaitan dalam majlis perbandaran akan membuat keputusan mengenai projek kontroversi itu. - ©BERNAMA

Kestabilan Syria bawa perubahan ketara di Timur Tengah

ISTANBUL, 16 Mei. - Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Marco Rubio berkata pada Khamis bahawa Syria yang aman dan stabil akan menjadi antara perubahan paling ketara di rantau ini sejak sekian lama, sekali gus menzahirkan sokongan Washington terhadap kepimpinan baharu negara itu di bawah Presiden Ahmad al-Sharaa.

"Ini adalah peluang bersejarah, dan jika ia berjaya, ia akan memberi kesan transformasi yang dramatik ke atas rantau ini," ujar Rubio pada perhimpunan di bandar peranginan Antalya, Turkiye, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Kenyataannya dibuat sehari selepas Presiden AS Donald Trump mengadakan pertemuan dengan al-Sharaa di Riyadh - hubungan peringkat tertinggi antara kedua-dua negara sejak kejatuhan pemerintahan Bashar al-Assad pada Disember tahun lalu.

Trump sebelum ini menggambarkan pertemuan itu sebagai hebat dan sebelum itu telah mengumumkan hasratnya untuk menamatkan sekatan AS ke atas Syria.

Rubio memuji komitmen kepimpinan baharu Syria untuk membina semula negara itu sebagai masyarakat majmuk, sambil menyatakan bahawa Damsyik telah menyampaikan hasrat untuk berdamai dengan semua jiran dan mengusir petempur asing serta pengganas yang boleh mengganggu kestabilan negara.

Walaupun bagaimanapun, Rubio menekankan bahawa bantuan AS akan bergantung pada kemajuan yang ditunjukkan oleh Syria.

"Kami mahu melihat kemajuan dicapai, dan kami akan menyokong setiap langkah yang diambil mereka, walaupun perjalanan itu masih panjang," katanya.

Beliau juga menyentuh cadangan untuk merujuk kepada Kongres pada masa hadapan bagi menamatkan sekatan secara kekal.

"Saya fikir kita akan mulakan dengan pelepasan awal, yang membolehkan rakan luar menyalur bantuan tanpa berdepan risiko dikenakan sekatan," tambahnya.

Rubio kini berada di Turkiye untuk mesyuarat tidak rasmi Menteri Luar NATO.

Pada Khamis, beliau mengadakan pertemuan tiga pihak dengan Menteri Luar Syria, Asaad Hassan al-Shaibani, dan Menteri Luar Turkiye, Hakan Fidan. Selepas Fidan beredar, Rubio dan al-Shaibani meneruskan perbincangan.

Trump mengumumkan pada Forum Pelaburan Arab Saudi-AS 2025 di Riyadh pada Selasa bahawa beliau akan menamatkan sekatan kejam dan melumpuhkan ke atas Syria, memetik perbincangan dengan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan, dan Putera Mahkota Arab Saudi, Mohammed bin Salman.

Pertemuan pertama Trump dengan al-Sharaa berlangsung pada Rabu di Riyadh, dengan kehadiran Mohammed bin Salman dan penyertaan Erdogan secara dalam talian. Trump menggambarkan al-Sharaa sebagai laki-laki tegas dengan latar belakang kukuh.

Bashar al-Assad, yang memerintah Syria hampir 25 tahun, melarikan diri ke Rusia pada 8 Disember 2024, menamatkan cengkaman selama beberapa dekad Parti Baath dalam kuasa.

Al-Sharaa, yang mengetuai pasukan antirejim yang mencapai kemenangan, telah diisytiharkan sebagai presiden pada akhir Januari. - ©BERNAMA



SORLING FOKUSKAN VISI MEMAJUKAN PING PONG DI ARENA GLOBAL

BEIJING, 16 Mei. - Petra Sorling, yang sedang berusaha untuk penggal kedua sebagai Presiden Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF), telah menggariskan visinya untuk pembangunan sukan ping pong dalam tahun-tahun mendatang, terutamanya selepas penyertaan acara berpasukan campuran di Sukan Olimpik Los Angeles 2028.

Sorling akan bersaing untuk jawatan presiden ITTF dengan Mohamed El Hacen Ahmed Salem dan Khalil Al-Mohannadi.

Manifestonya menekankan masa depan ping pong yang dibina atas tiga tonggak utama: berkongsi manfaat pertumbuhan dengan ahli-ahli dan di tempat yang paling penting; memastikan ITTF kekal sebagai Persekutuan Antarabangsa yang terkemuka; dan membentuk masa depan dengan pelaburan strategik dalam ping pong.

Setelah Jawatankuasa Eksekutif IOC pada April meluluskan penyertaan acara berpasukan campuran untuk Sukan Olimpik 2028, Sorling berhasrat untuk menempatkan ping pong antara lapan sukan teratas dalam program Olimpik, bersama-sama dengan sukan seperti olahraga, bola sepak, dan bola keranjang.

Dalam temu bual dengan agensi berita antarabangsa pada Khamis, ketua ITTF itu berkata beliau telah lama ingin menambah bilangan acara ping pong di Olimpik sejak menjadi presiden persatuan ping pong Sweden.

"Sweden mengemukakan cadangan dalam Mesyuarat Agung ITTF 2021 untuk mengadakan kejohanan dunia berpasukan campuran, dan kongres menyatakan ia sangat menarik dan harus dimulakan," katanya.

"Kemudian saya berjumpa rakan-rakan di Persatuan Ping

Pong China dan berbincang dengan mereka, dan akhirnya kami mencipta Piala Dunia Berpasukan Campuran."

Selepas kejayaan dua edisi kejohanan itu di Chengdu, IOC memberikan lampu hijau untuk memasukkan acara berpasukan campuran dalam program Olimpik.

"Kami dapat lihat di Chengdu bagaimana pasukan bekerjasama dengan lebih baik, bukan hanya bermain bersama, tetapi juga merancang permainan bersama. Ia benar-benar kesaksamaan gender dalam praktik, bukan hanya di atas kertas," katanya.

"Saya berani mengatakan bahawa Piala Dunia Berpasukan Campuran membuat persatuan ahli kami memberi keutamaan dan sumber kepada ping pong wanita."

Sorling mengakui bahawa kemasukan acara berpasukan campuran di LA28 berjalan lebih pantas daripada jangkaan, sambil menyatakan ia adalah bukti konsep yang sangat baik daripada

kerjasama kami dengan Piala Dunia Berpasukan Campuran di Chengdu dan cadangan sejak 2021.

"LA28 akan menjadi mercu tanda baharu apabila acara ini menjadi acara Olimpik," katanya.

Beliau juga berkongsi pandangan berpusatkan atlet dengan Presiden IOC terpilih, Kirsty Coventry.

"Kirsty mempunyai latar belakang yang baik sebagai atlet berjaya, tetapi tidak datang daripada perspektif Persekutuan Antarabangsa (IF), berbeza dengan saya. Beliau banyak menyumbang daripada sudut pandangan atlet, dan dalam ping pong, kami juga mengutamakan atlet dalam segala usaha kami."

"Saya percaya saya juga boleh membantunya daripada perspektif IF untuk meningkatkan persembahan sukan kami agar lebih menarik bagi peminat. Di sinilah kerjasama kami dapat meningkatkan tahap permainan kami," ujarnya.

Ditanya tentang harapannya untuk Kejohanan Ping Pong Dunia ITTF di Doha yang bermula Sabtu ini, Sorling berkata beliau menjangkakan pertandingan yang menarik tetapi enggan membuat ramalan.

"Beberapa minggu lalu di Macau, Hugo Calderano dari Brazil menjuarai acara perseorangan lelaki. Saya rasa amat sukar untuk sesiapa mengalahkan pemain nombor satu dan dua China dalam perseorangan lelaki," katanya. "Ping pong adalah permainan mental, ia bergantung pada persiapan terperinci dan taktik, jadi atlet perlu fokus pada permainan."

"Saya sangat teruja dengan acara ini. Saya yakin akan ada kejutan, tapi saya bukan orang yang meramalkan hasilnya," katanya sambil tersenyum.

"Hari ini ada tenaga besar di venue ketika latihan bermula, dan majlis pembukaan akan diadakan pada Sabtu, kemudian permainan bermula," tutur Sorling. - ©XINHUA

Aaron-Wooi Yik bangkit tempah slot ke pusingan kedua terbuka Thailand 2025

BANGKOK, 15 Mei. - Beregu lelaki negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik mara ke pusingan kedua Kejohanan Badminton Terbuka Thailand 2025 selepas menewaskan pasangan Perancis Julien Maio-William Villeger awal pagi ini.

Juara Asia itu mengambil masa lebih sejam untuk mencatat

kemenangan 22-24, 21-19, 21-15.

Aaron mengakui bermain selepas tengah malam menjejaskan prestasi mereka, terutamanya pada set pertama, namun mereka berjaya bangkit dalam dua set berikutnya.

"Kami gembira kerana berjaya bangkit semula dan layak ke pusingan seterusnya," katanya

kepada Bernama di Stadium Nimibutr hari ini.

Wooi Yik berkata mereka masih dalam proses menyesuaikan diri dengan jurulatih baharu, Herry Iman Pierngadi, serta pendekatan taktikalnya.

"Ini hanyalah kejohanan kedua atau ketiga kami di bawah jurulatih Herry dan kami berharap dapat

beraksi dengan baik serta memberikan keputusan yang positif," katanya.

Aaron-Soh dijangka bertemu pemenang perlawanan antara pasangan Taiwan, Lu Ming Che-Tang Kai Wei dan pasangan Jepun, Hiroki Midorikawa-Kyohei Yamashita, yang dijadual berlangsung kemudian.

Sementara itu, pada aksi lebih awal, Wan Arif Wan Junaidi-Yap Roy King turut mara ke pusingan kedua selepas menewaskan pasangan India Pruthvi Krishnamurthy-Sai Pratheek, dalam perlawanan sengit dengan keputusan 22-20, 17-21, 21-18 yang mengambil masa lebih sejam.

Wan Arif mengakui perasaan gugup menjejaskan prestasi

mereka sehingga menyebabkan permainan tidak konsisten.

"Pertahanan kami lemah, pukulan kurang menjadi dan kami melakukan terlalu banyak kesilapan mudah. Jika mara lebih jauh, saya harap kami dapat bermain dengan lebih baik dalam perlawanan akan datang," katanya.

Wan Arif turut mendedahkan bahawa mereka menasaskan untuk sekurang-kurangnya mara ke peringkat suku akhir dalam kejohanan ini.

Wan Arif-Roy King akan menentang rakan senegara Kang Khai Xing-Aaron Tai, yang menewaskan pasangan Thailand Phanyu Kaosamaang dan Tanadon Punpanich, 12-21, 21-13, 21-15 dalam masa 58 minit. - ©BERNAMA

ATF 2025 : Muhammad Irfan sedia tampilkan lemparan terbaik

KUALA LUMPUR, 15 Mei. - Jaguh lempar cakera negara, Muhammad Irfan Shamsuddin, tidak sabar untuk beraksi pada Kejohanan Olahraga Asia (ATF) 2025 di Gumi, Korea Selatan yang dijadual berlangsung dari 27 hingga 31 Mei ini.

Atlet berusia 29 tahun itu berkata segala persiapan yang dilakukannya berjalan lancar setakat ini, dan beliau kini memberi tumpuan penuh untuk memperkemas aspek teknikal lemparannya menjelang kejohanan berprestij tersebut.

"Ketika ini, daripada segi latihan, tiada banyak perkara yang perlu diubah dan saya kekal dengan rutin yang sama

seperti sebelum ini. Fokus saya kini adalah terhadap aspek teknikal dan daya letupan."

"Mudah-mudahan tiada sebarang kecederaan berlaku sebelum kejohanan," katanya menerusi satu video yang dikongsikan Olahraga Malaysia semalam.

Mengulas lanjut, Muhammad Irfan berkata beliau tidak mahu meletakkan sebarang tekanan tinggi kepada dirinya menjelang kejohanan tersebut, sebaliknya berhasrat untuk beraksi dengan tenang dan memberikan persembahan terbaik.

"Harapan saya adalah untuk memberikan yang terbaik, 110 peratus apabila turun ke

gelanggang. Saya hanya mahu menikmati kejohanan ini dan tidak terlalu tertekan," katanya.

Untuk rekod, pada edisi 2023 yang berlangsung di Bangkok, Thailand, Muhammad Irfan meraih pingat gangsa menerusi catatan sejauh 59.63 meter (m), sekali gus menjadi satu-satunya pingat yang disumbangkan oleh kontinjen negara pada kejohanan tersebut.

Pencapaian terbaik atlet kelahiran Negeri Sembilan itu di ATF adalah pada edisi 2017 di Bhubaneswar, India, apabila beliau meraih pingat perak dengan balingan sejauh 60.96m. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

JAMBATAN Clifford juga dikenali sebagai Jambatan Rangsang oleh penduduk setempat dan merupakan jambatan konkrit pertama yang menghubungkan antara Batu 1, Jalan Tutong dengan Bandar Seri Begawan yang dipisahkan oleh Sungai Rangsang yang sekarang dipanggil Sungai Kedayan. Perbelanjaan pembinaan jambatan ini sebanyak \$80,000.00 dan siap pembinaannya pada 1928. Jambatan ini berukuran 360 kaki panjang dan lebar 13 kaki termasuk laluan jalan kaki. Manakala di bahagian tengah jambatan berukuran 23 kaki lebar.

SUMBER: Berita Muzium, Bil 4, Jilid 29.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENAMAN MEMBERI MANFAAT UNTUK KESIHATAN FIZIKAL, MENTAL